

Sosialis



SELAMATKAN PEKERJA



baca lanjut di m/s 6 & 7



Pembangkang
gopoh-gapah
buat kali ketiga

> m/s 8-9



Implikasi Brexit

> m/s 14

Gaji minimum
RM 1000
mulai Julai

> m/s 10-11

Rohingya derita
sampai bila?

> m/s 12

Sejarah
dipesongkan

> m/s 16

Sah wang negara dicuri

baca lanjut di m/s 4

DASAR PERJUANGAN PARTI SOSIALIS MALAYSIA

Parti Sosialis Malaysia (PSM) adalah satu parti politik rakyat Malaysia yang berasaskan prinsip dan ideologi sosialisme yang bersifat Perjuangan Rakyat berteraskan keadilan sosial dan ekonomi; bagi mewujudkan masyarakat demokratik yang aman, makmur, maju, berakhhlak mulia dan saksama. Ia berjuang untuk memenuhi keperluan asas rakyat dan membebaskan rakyat daripada sebarang bentuk penindasan dan pemaksaan.

Bendera dan Lambang

Lambang parti ialah genggaman tangan kiri yang melambangkan perpaduan rakyat dan semangat perjuangan. Merah melambangkan perjuangan dan putih melambangkan kesucian dan keikhlasan dalam perjuangan.



Matlamat Parti Sosialis

- ★ Mengamalkan prinsip sosialisme sebagai cara hidup.
- ★ Mempertahankan masyarakat demokratik dan progresif yang mengutamakan kerohanian, kemanusiaan dan keadilan sebagai asas ke arah pembangunan.
- ★ Memastikan strategi pembangunan yang mewujudkan hubungan seimbang antara keperluan sosial dan ekonomi di peringkat individu, masyarakat dan nasional.
- ★ Mengagihkan kekayaan secara adil dan saksama, Melaksanakan sistem sosoekonomi yang mempunyai mekanisme dalaman untuk menghalang penindasan dan sifat tamak.
- ★ Memberi peluang kepada rakyat berbilang kaum, jantina, agama, usia, pekerjaan dan menyertai proses mewujudkan persefahaman yang lebih jitu di kalangan kaum, agama dan budaya.
- ★ Mengukuhkan hak asasi manusia pada setiap peringkat masyarakat dan mendedahkan sebarang bentuk penindasan, nepotisme, hipokrasi dan kepalsuan.
- ★ Menghormati Perlembagaan Persekutuan yang menekankan kepada hak demokratik dan toleransi bahasa, budaya dan agama.
- ★ Menjamin kebebasan bersuara, berpersatuhan dan kecapaian intelektual memberi keutamaan dalam tanggungjawab sosial terhadap kebajikan pekerja dan keluarga menjaminkan hak pekerja untuk menubuhkan kesatuan pekerja memberi keutamaan institusi kekeluargaan khususnya kepada wanita yang mengandung, bayi, kanak-kanak, wargatua dan mereka kurang keupayaan.
- ★ Memastikan tidak berlaku penindasan dan diskriminasi di semua peringkat bagi sektor perindustrian dan pertanian.
- ★ Mewujudkan rasa saling menghormati, memahami dan tolak ansur di kalangan semua agama dan budaya.
- ★ Menyediakan peluang pendidikan percuma di semua peringkat dengan

mewajibkan pendidikan di peringkat rendah dan menengah.

- ★ Memastikan penyertaan guru dan pelajar dalam proses menentukan haluan sistem pendidikan nasional.
- ★ Melindungi alam sekitar daripada pencemaran dan pembinasaan.
- ★ Mengurangkan biroaksi dan menghapuskan karenah biroaksi yang mengekang pembangunan.

Mengapa Kita Perlu Satu Parti Sosialis?

Sistem yang ada kini telah gagal membawa kesejahteraan kepada rakyat yang majoriti.

Sistem kapitalis ini hanya mengutamakan segelintir kecil masyarakat.

Untuk menumbangkan sistem kapitalis ini perlu ada sistem Sosialis yang lebih mementingkan aspek kemanusiaan, keadilan dan pengagihan kekayaan.

Parti Sosialis ini adalah untuk membela nasib majoriti rakyat iaitu para pekerja kilang, petani, nelayan, pekerja ladang, peniaga kecil, orang Asli, pelajar, pekerja semi-profesional dan sebagainya.

Masalah rakyat bukan di antara orang Melayu, Cina dan India atau di antara orang Islam dan bukan Islam. Tetapi orang kaya dan miskin. Kekayaan negara dimiliki dan dibolot oleh segelintir kecil masyarakat, anak dan kroni mereka. Manakala rakyat yang majoriti masih belum menerima bahagian.

Parti Sosialis lebih mementingkan isu-isu asas rakyat seperti pekerjaan, rumah, tanah, alam sekitar dan sebagainya. Parti Sosialis akan menyatukan tenaga semua golongan pekerja untuk mempertahankan hak kita.

Parti Sosialis Malaysia (PSM) adalah sebuah parti yang lahir dari perjuangan rakyat akarumbi di kilang, ladang dan kawasan miskin kota. Parti ditubuhkan sebagai alat untuk kaum pekerja dan golongan berpendapatan rendah dan menengah untuk hak mereka. PSM meneruskan perjuangan menentang rasuah, penyelewengan dan perkauman golongan yang memerintah. Selagi penindasan rakyat ada, perjuangan ini akan berterusan.

Parti Sosialis Malaysia
140A, Jalan Sultan Abdul Samad,
Brickfields,
50470 Kuala Lumpur.
Tel/Faks: 03-22762247
Email: pusat@partisosialis.org
Laman web: http://partisosialis.org/

Untuk sumbangan,
sila buat cek atas nama:
Parti Sosialis Malaysia
No. Akaun Maybank: 512080337313

PSM adalah anggota kepada **Gabungan Kiri**, satu usahasama antara kumpulan dan individu dalam membina gerakan kiri sebagai alternatif untuk masyarakat Malaysia.

<https://gabungankiri.wordpress.com/>

DARI MEJA PENGARANG

Parti Sosialis Malaysia (PSM) telah melancarkan dua hotline aduan pekerja baru-baru ini, satu adalah untuk aduan pembuangan kerja dan satu lagi untuk aduan tentang majikan yang tidak membayar gaji minimum RM 1000 yang berkuatkuasa mulai 1 Julai 2016. Berikut pelancaran kedua-dua hotline tersebut, PSM telah menerima banyak aduan daripada pekerja mengenai isu gaji dan pemberhentian kerja. Ini memberi petunjuk bahawa pekerja di negara kita sekarang ini sedang menghadapi masalah kerja yang tidak terjamin.

Pemberhentian kerja yang berleluasa menjadi satu trend biasa semasa krisis ekonomi. Negara kita sedang berada di ambang krisis ekonomi, memandangkan kegawatan ekonomi sedunia semakin terjadi-jadi. Pelabur yang hanya pentingkan keuntungan cuba mencari tempat yang mempunyai tenaga kerja yang lebih murah dan lebih sedang diperas dalam sistem ekonomi neoliberal sedunia ini, menjadikan para pekerja semakin hari semakin kehilangan jaminan kerja. Gaji rendah juga menyumbang kepada kemerosotan ekonomi kerana kuasa beli yang lemah. Namun, kerajaan yang hanya memikirkan kepentingan golongan kapitalis langsung tiada idea-idea alternatif untuk menyelesaikan masalah ekonomi, malah memangsakan lagi pekerja semasa krisis ekonomi. Oleh yang demikian, golongan pekerja perlu bangkit menyuarakan tuntutan mereka untuk gaji yang setimpal dan jaminan kerja,

demi membebaskan diri daripada kemelut tekanan hidup yang semakin serius.

Kempen Tabung Pemberhentian Kerja yang diterajui oleh PSM bertujuan untuk meletakkan agenda pekerja sebagai keutamaan dalam penggubalan dasar negara. Tabung Pemberhentian Kerja bakal berfungsi sebagai perlindungan untuk pekerja semasa krisis ekonomi, di samping membantu dalam menjana permintaan kasar bagi memacu semula ekonomi negara.

Selain itu ekonomi yang semakin menekan rakyat marhaen, pergolakan politik di negara kita juga membimbangkan. Rejim UMNO-BN semakin hari semakin menonjolkan taring kerakusan kuasanya, sementara pihak pembangkang pula ketandusan idea untuk menggerakkan perubahan sosial, sehingga perlu bergabung dengan seorang bekas diktator untuk melawan kerajaan pimpinan Najib Razak.

Tiadanya jalan pintas untuk rakyat yang inginkan perubahan sebenar untuk mewujudkan demokrasi sejati dan keadilan sosial. Kita perlu berorganisasi dan membina kekuatan rakyat dari bawah untuk memajukan perjuangan rakyat. Hanya gerakan rakyat yang kuat dan berlandaskan halatuju perubahan yang jelas mampu mengubah nasib rakyat marhaen yang ditindas selama ini. ##

Langganlah Akhbar Sosialis Sekarang!

■ Jika anda mahu **AKHBAR SOSIALIS** dipos terus kepada anda, maka anda boleh berlanggan terus dengan kami.

■ Harga solidariti (termasuk harga setem) RM25 setahun (12 keluaran akhbar SOSIALIS Bahasa Melayu)

■ Nama: _____

■ Alamat: _____

■ _____

■ Telefon: _____

■ Faks: _____

■ Cek / Wang Pos / Draf Bank atas nama **PARTI SOSIALIS MALAYSIA**

■ Hantar kepada **Parti Sosialis Malaysia**

■ 140A, Jalan Sultan Abdul Samad, Brickfields

■ 50470 Kuala Lumpur

■ Tel/Faks: 03-22762247

■ Laman web: <http://partisosialis.org/>

Kekalkan tanah untuk petani



Gabungan Selamatkan Petani dan Penternak Perak telah menganjurkan Malam Solidariti Petani dan Penternak yang ke-2 pada 16 Julai yang lalu di Pusing, Perak. Majlis makan malam ini bertujuan untuk mengutip dana bagi perjuangan petani dalam menuntut hak tanah pertanian.

Para petani dan penternak dari 25 kawasan yang menghadapi ancaman pengusiran telah menyertai Gabungan Selamatkan Petani dan Penternak Perak. Mereka tidak mempunyai hak milik tanah walaupun telah mengusahakan pertanian untuk bertahun-tahun lamanya. Tuntutan para petani adalah, kekalkan tanah

pertanian untuk mereka, ataupun sekiranya perlu mengosongkan tanah untuk tujuan pembangunan, petani patut diberikan tanah alternatif untuk meneruskan aktiviti pertanian.

Aktiviti pertanian bukan sahaja merupakan punca rezeki untuk para petani yang menaburkan titisan peluh mereka, malah juga menjadi jaminan kepada pembekalan makanan untuk negara kita. Tiada petani, maka tiada makanan. Oleh itu, kerajaan perlu mengekalkan tanah untuk petani dan hentikan segala pengusiran paksa ke atas petani.



Kajian ekonomi luar bandar

Pada 23 Julai yang lalu, PSM telah menjalankan kajian ekonomi luar bandar melibatkan penoreh getah dan pesawah padi di sekitar kawasan Sik dan Sungai Petani, Kedah. Ianya bertujuan untuk pengumpulan maklumat bagi membentuk draf tentang kemiskinan masyarakat Melayu luar bandar. Draf kajian ini akan dibentangkan pada sesi perbincangan meja bulat bersama ahli parliment.



Pekerja kilang kicap tuntut keadilan



Pada 25 Julai yang lalu, sekumpulan pekerja dari kilang pembuat kicap Thean Heong di Sungai Siput telah bermogok kerja apabila majikan mengugut mereka untuk menandatangani surat yang bersetuju untuk pemotongan gaji sebanyak RM300 jika ambil cuti. Pada 26 Julai, 11 orang pekerja kilang kicap tersebut telah membuat aduan polis, berikutan tindakan majikan memecat 4 orang pekerja, mengarahkan cuti kepada 2 orang pekerja dan memarahi 5 orang lagi pekerja selepas mereka tidak menandatangani surat persetujuan pemotongan gaji.

Pada petang yang sama, majikan kilang kicap Thean Heong telah berjumpa dengan



**Himpunan
1000
Pejuang**
meraikan pengalaman perjuangan akar umbi setempat

2 Oktober 2016 Ipoh

**AKAN DATANG
SOSIALISME 2016**

18-20 NOVEMBER KUALA LUMPUR

**Keluar dari Kapitalisme
Bina Kiri**

Diskusi dan debat tentang isu-isu hangat di peringkat antarabangsa dan juga dalam negara, antaranya:

- berputus dari globalisasi neoliberal
- alternatif kiri dalam pilihanraya
- dah terlambat untuk hadapi krisis iklim?
- melawan homofobia dan seksisme
- menangani fundamentalisme agama dan terrorisme

Ikuti perkembangan terkini di laman FB: **SocialismMalaysia**

Sah wang negara dicuri

Jabatan Kehakiman (DOJ) Amerika Syarikat telah memfailkan saman sivil untuk merampas aset yang didakwanya dibeli menggunakan dana yang disalurkan daripada syarikat 1MDB. Menurut DOJ dalam satu sidang media pada 20 Julai yang lalu, ia merancang untuk memulangkan hasil penjualan aset-aset yang disita itu kepada Malaysia.

Tindakan saman oleh pihak kerajaan Amerika Syarikat terbaru ini, sekali lagi menjadikan skandal 1MDB tumpuan dunia. Menurut dokumen yang dikemukakan, adalah dipercayai bahawa dana awam telah dicuri dengan alasan bahawa ia adalah untuk pelaburan 1MDB dan usahasama penerokaan minyak. Adalah dianggarkan sebanyak USD 1 bilion telah disalurkan untuk kepentingan peribadi, termasuk membayar hutang perjudian, pembelian kapal layar mewah, pembelian jet, pembelian karya seni (oleh Claude Monet dan Vincent Van Gogh), pelaburan dalam EMI Music, pelaburan harta tanah dan sebagainya.

"Rakyat Malaysia ditipu pada skala besar-besaran dalam satu skim yang hampir berlaku di seluruh dunia," menurut Andrew McCabe, Timbalan Pengarah Biro Penyiasatan Persekutuan, dalam sidang akhbar mengumumkan pemfailan saman sivil berkenaan.

Menurut saman yang difaikkan oleh DOJ tersebut, adalah didakwa

bahawa sebanyak USD 731 juta disalurkan daripada 1MDB ke dalam akaun bank milik 'Malaysian Official 1' yang tidak dinamakan, tetapi menggambarkan individu itu sebagai "pegawai berpangkat tinggi dalam kerajaan Malaysia yang juga memegang jawatan yang berkuasa dengan 1MDB".

"Pembongkaran" daripada saman sivil di Amerika Syarikat terbaru ini bukan lagi sesuatu yang mengejutkan untuk rakyat Malaysia, kerana 1MDB telahpun diselaputi dengan pelbagai skandal sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

1MDB ditubuhkan pada tahun 2009 sepatutnya bertujuan untuk menjana pendapatan bagi kerajaan Malaysia, tetapi sekarang ia telah menjana hutang kepada negara dengan beban hutang sebanyak RM 42 bilion yang tidak dapat ditanggung. Malah, 1MDB terlibat dalam pelbagai pelaburan yang mewujudkan kontroversi dan persoalan. Juga terdapatnya dakwaan bahawa segelintir individu mengkayakan diri sendiri melalui operasi 1MDB. Pada tahun yang lepas, Wall Street



Journal mendedahkan perkara tentang wang sebanyak RM 2.6 bilion yang disalurkan ke dalam akaun bank peribadi Perdana Menteri Najib Razak sendiri yang dikatakan sebagai "derma". Kepercayaan rakyat terhadap kerajaan pimpinan Najib Razak semakin pudar dengan skandal yang berterusan.

Mahathir bersama puaknya dalam UMNO yang kehilangan kepentingan amat giat menggunakan isu 1MDB untuk cuba menjatuhkan Najib. Bekas PM yang pernah menuduh pembangkang ditaja AS semasa dia menjadi PM, sekarang ini pula menggunakan media dan jentera negara AS untuk cuba menjatuhkan Najib daripada pimpinan UMNO.

Walaupun Najib telah terus dihantui dengan skandal demi skandal,

namun dia masih cuba mengekalkan kedudukannya dengan penguasaannya ke atas jentera negara yang hampir tidak dapat dicabar oleh sesiapa. Penumpuan kuasa dalam tangan PM yang dimulakan sejak zaman Mahathir ini telah mewujudkan satu sistem politik yang mengekalkan kekuasaan seorang diktator yang korup.

Rakyat perlu bangkit menentang pencurian wang negara dan mengubah sistem politik negara kita yang penuh dengan kepincangan ini. Jangan pula kita menaruh harapan kepada pihak kerajaan AS dan juga puak Mahathir yang memang mempunyai agenda tersendiri untuk menyelamatkan negara kita. Hanya rakyat yang berorganisasi dari bawah dapat mengubah nasib masyarakat negara kita. ##

Penduduk Taman Cheras Hartamas mangsa radiasi elektromagnetik

Sekali pandang, sesiapa sahaja yang meneliti jajaran talian elektrik kuasa tinggi TNB yang ingin dibina di Taman Cheras Hartamas itu akan menyoal, kenapakah talian tersebut mengelilingi perumahan penduduk dan tidak sahaja melintas mengelakkan taman tersebut dengan mudah. Jika ianya melintas, secara praktikalnya TNB akan menjimatkan kos pembinaan 7 buah tiang pilon setinggi 100 kaki setiap satu, tambahan pula dengan penjimatan kos kabel yang terpaksa ditarik lebih jauh jika ianya mengelilingi taman ini.

Maka apakah rasionalnya, pihak TNB begitu berdegil untuk membina jajaran kabel utama elektrik mengelilingi taman ini, apabila lebih 200 penghuni rumah di taman ini dengan jelas telah menyuarakan bantahan mereka sejak tahun 2009 lagi!

Penduduk Cheras Hartamas telah mengadakan pelbagai aksi demonstrasi, perbincangan dengan TNB, Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Majlis Perbandaran Kajang ,

ADUN, Exco, Mesyuarat Tindakan Ekonomi Selangor (MTES), tetapi jajaran yang tidak masuk akal ini gagal diubahsan. Penjelasan yang rasional kenapa ianya perlu mengelilingi taman ini juga gagal diberikan oleh pihak berkuasa sehingga kini.

Walaupun Naib Pengurus TNB sendiri memaklumkan bahawa jarak di antara setiap struktur tiang pilon dan kabel elektrik dari rumah mereka sepatutnya 40-50 m, tetapi jarak sebenar dari tapak tiang yang telah dibina hanyalah 30-40 m sahaja.

Terdapat lebih 200 kertas kajian antarabangsa yang menunjukkan kaitan rapat kekerapan berlakunya penyakit leukemia dan kanser kepada penduduk yang duduk berhampiran dengan talian kabel elektrik kuasa tinggi. Walaupun sesetengah kajian tersebut tidak konklusif tetapi kebimbangan kemungkinan kesan EMF (medan elektromagnetik) terhadap biologi manusia harus diambil serius.

Malahan, kajian tersebut melihat

pada laluan kabel kuasa tinggi secara selari kepada lokasi penduduk setempat. Tetapi di Cheras Hartamas, situasinya lebih teruk, kerana 7 buah tiang pilon dan kabel kuasa tinggi akan mengelilingi rumah penduduk dengan jarak kurang daripada 40 m. Tidakkah ianya mewujudkan medan yang berlipat kali ganda terhadap badan manusia?

Sehingga kini, pihak TNB dan pihak berkuasa yang lain masih gagal memberikan apa jua jaminan saintifik yang jelas mengatakan kabel elektrik kuasa tinggi ini tidak akan menjaskan kesihatan penduduk dalam jangka masa panjang.

Kerajaan Negeri Selangor juga telah memberikan lampu hijau kepada TNB untuk meneruskan projek dan tidak berminat lagi untuk mendesak TNB menukar jajaran yang gila ini! Ada desas-

desus bahawa talian elektrik ini adalah untuk projek saluran air Langat 2.

Penduduk Cheras Hartamas tidak ingin dikorbankan untuk projek ini, kerana jika projek ini berlangsung, masa depan mereka menjadi tanda soal. Siapakah yang sanggup menjawab jika timbulnya penambahan kes kanser dan leukemia dalam masa 10 tahun dari sekarang? Kemungkinan besar semua pegawai TNB dan Kerajaan Negeri Selangor ini akan cuci tangan mereka daripada mengambil tanggungjawab ini pada masa itu.

(oleh A. Sivarajan)



Petani Chenderiang diancam pencerobohan

Pada 26 Jun 2016, petani dan penternak yang mengusahakan tanah di SMTD Air Kuning, Mukim Chenderiang, Perak, telah membuat aduan polis ke atas pencerobohan dan gangguan oleh pihak yang tidak dikenali di kawasan tanah mereka.

Seramai 28 orang petani, pekebun sawit dan penternak (ikan, lembu dan kerbau) telah meneroka kawasan tanah kerajaan dan bekas lombong terbiar di SMTD Air Kuning tersebut selama 10 hingga 30 tahun. Kegiatan pertanian ini telah menjadi sumber pendapatan utama untuk para petani dan penternak ini. Hasil pengeluaran dari kawasan ini dijual di sekitar negeri Perak untuk menampung keperluan tempatan. Pejabat Tanah, Kerajaan Negeri Perak dan agensi kerajaan yang lain memang menyedari tentang kewujudan petani dan penternak yang mengusahakan kegiatan pertanian ini.

Para petani dan penternak yang berkenaan pernah berusaha untuk memohon tanah daripada kerajaan untuk tujuan pertanian di dalam kawasan Mukim Chenderiang, Daerah Batang Padang. Terdapat juga petani dan penternak yang pernah mendapat Lesen Pendudukan Sementara (TOL) untuk

tapak pertanian tersebut.

Sewaktu para petani dan penternak masih menunggu dengan harapan bahawa permohonan mereka akan mendapat kelulusan dan penyelesaian positif daripada pihak Kerajaan Negeri Perak, secara tiba-tiba pada 20 dan 21 Jun 2016, pihak yang tidak dikenali telah menceroboh masuk ke kawasan kolam ikan dan kebun kelapa sawit salah seorang petani. Penceroboh itu telah memotong dan mencuri buah kelapa sawit dengan menyatakan bahawa mereka telah mendapat hakmilik pajakan ke atas tanah tersebut untuk tempoh 99 tahun.

Petani dan penternak yang mengusahakan tanah di situ amat terkejut mendengar kenyataan begitu. Sudah lebih 30 tahun mereka memohon tapak tanah tersebut untuk tujuan pertanian dan penternakan daripada Kerajaan Negeri Perak, namun secara tiba-tiba terdapat orang yang tidak dikenali dan bukan petani di kawasan SMTD telah mendapat hakmilik pajakan ke atas tanah tersebut.

Siapakah sebenarnya mereka ini? Bagaimana mereka mendapat



kelulusan hakmilik pajakan ini? Kenapa petani dan penternak yang betul-betul menjalankan kegiatan pertanian di situ untuk lebih 30 tahun tidak mendapat hakmilik mahupun diberi sebarang notis atau dipanggil untuk perbincangan oleh Pejabat Tanah dan Kerajaan Negeri Perak? Inilah persoalan yang tertimbul dalam minda para petani dan penternak.

Petani dan penternak di SMTD Air Kuning telah membuat aduan polis di Balai Polis Tapah. Mereka

bimbangkan keselamatan mereka akibat daripada tindakan pencerobohan dan juga kemusnahan harta benda mereka. Mereka meminta pihak polis menjalankan siasatan secara adil dan mengambil tindakan yang wajar terhadap pihak-pihak yang mengganggu mereka demi memastikan keharmonian kehidupan para petani di situ terjamin dan terpelihara sehingga mereka mendapat satu penyelesaian untuk masalah tanah di situ daripada Kerajaan Negeri Perak. ##

Kelantan biarkan berlaku perampasan tanah OA

"Kamu jangan jual agama kepada kami. Tuhan kamu bukan Allah, tapi kapitalisme!"

Ini adalah antara hujah-hujah yang dikemukakan oleh orang asli (OA) dari Lojing, Gua Musang, Kelantan, yang bangkit mempersoalkan hak mereka di depan pegawai Pejabat Tanah Gua Musang pada 25 Julai yang lalu.

Seramai 30 orang OA dari Lojing (mewakili 10 buah kampung) menduduki Pejabat Tanah Gua Musang pada hari itu bagi mendesak kerja-kerja kemusnahan kampung mereka diberhentikan sementara.

Keadaan terkini pencerobohan di tanah adat OA di Lojing sudah sampai kurang 100 meter dari pintu rumah penduduk kampung. Sungai sudah cetelek dan berlumpur. Sumber air mereka musnah.

Penderitaan mereka sudah lama. Setahun lebih yang

lalu, mereka mengadu kepada PSM. Sejak itu, PSM membantu dalam organisasi mereka mengikut sudut perjuangan rakyat yang boleh dibuat berdasarkan politik Malaysia.

Setiap keputusan organisasi OA adalah suara majoriti mereka sendiri (pengundian setiap pilihan yang

wujud, dan keputusan didokumenkan). PSM hanya pemudah cara.

Setelah setahun lebih tiada rundingan dengan OA (hanya tolak-menolak antara pelbagai pihak seperti bermain bola), sekarang OA kawasan Lojing bersedia untuk menduduki Pejabat Tanah Gua Musang sehingga ditangkap, atau diberi jaminan bertulis bahawa satu keputusan diumumkan, berkenaan sama ada boleh boleh hentikan kerja-kerja pencerobohan tanah atau tidak, sementara rundingan dengan setiap agensi diadakan.

Pada sebelah petang hari itu, Pejabat Tanah mengeluarkan satu surat kepada wakil OA. Satu keputusan akan diberikan pada 27 Julai apabila mesyuarat hal ehwal tanah dibuat di Krabi, Thailand. Pejabat Tanah juga akan datang bersama Jabatan Alam Sekitar untuk bertemu wakil OA. ##



Kenapa roboh gerai tanpa pemindahan?

Pada 12 Julai 2016, Jayasure Rajoo, seorang peniaga kecil yang menghadapi ancaman perobohan kedainya telah menghantar satu memorandum kepada Menteri Besar Selangor, Azmin Ali. Jayasure meminta pihak Kerajaan Negeri Selangor mencampurtangan untuk hentikan perobohan kedai secara paksa. Bersama dengan Jayasure semasa penyerahan memorandum adalah Sivarajan Arumugam, Setiausaha Agung PSM.

Jayasure telah berniaga di Jalan Sungai Buloh, Kuala Selangor, sejak tahun 1999. Jayasure mempunyai lesen perniagaan dan permit untuk penggunaan bangunan daripada Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS), tetapi menerima notis daripada MDKS pada 2 bulan yang lalu yang mendakwa bahawa dia sedang menduduki rizab parit dan perlu mengosongkan kedainya atau

menghadapi pengusiran. MDKS menggunakan alasan bahawa jalan akan dibesarkan, tetapi sehingga kini tiada projek pembesaran jalan dilakukan!

Menurut Sivarajan, "kami difahamkan bahawa perobohan ini adalah untuk memudahkan pihak pemaju KL Kepong untuk membina parit ke projek pembangunan perumahannya lebih kurang 500 meter dari kedai Jayasure. " "Kenapa Pejabat Tanah digunakan untuk kepentingan pemaju?" Sivarajan menyayal.

Jayasure menuntut supaya pihak Majlis Daerah menawarkan ruang kedai MDKS sebagai alternatif dan tangguhkan perobohan kedai sehingga masalah mendapat kedai alternatif diselesaikan. ##



Sokong Kempen Tabung Pemberhentian Kerja PSM mula roadshow jelajah seluruh Malaysia

Kita semakin hari semakin banyak menerima berita tentang syarikat tutup operasi sana sini, dan beratus-ratus pekerja hilang kerja. Syarikat bankrap dan tiba-tiba tutup operasi tanpa membayar gaji dan pampasan kepada pekerja. Walaupun pekerja memfailkan tuntutan di Jabatan Tenaga Kerja ataupun Jabatan Perhubungan Perusahaan, akhirnya

syarikat yang bankrap masih tidak membuat bayaran pampasan kepada pekerja, dengan keputusan untuk pembayaran pampasan hanya kekal di atas kertas.

Inilah sebabnya kenapa perlu tubuhkan Tabung Pemberhentian Kerja. Jika kerajaan menggubal dan melaksanakan undang-undang untuk pembentukan tabung ini, maka setiap bulan majikan dan pekerja boleh menyumbang sedikit kepada tabung ini sejermih pencaruman PERKESO sekarang.

Bukan senang untuk meneruskan kehidupan apabila hilang kerja secara tiba-tiba. Kehilangan sumber pendapatan; tidak dapat membayar pinjaman bank; rumah, kereta dan semua aset

dilelongkan oleh bank; beban hidup semakin bertambah; perlu mencari kerja baru lagi... Maka, PSM menggesa kerajaan supaya segera melaksanakan "Tabung Pemberhentian Kerja" untuk pekerja yang diberhentikan secara tiba-tiba akibat syarikat bankrap.

PSM membawa tuntutan ini kepada semua pekerja di akar umbi untuk mendapat sokongan melalui kempen roadshow yang akan mula bulan Ogos ini. Pada 4-6 Ogos ini, kempen akan bermula di kawasan Hulu Langat di negeri Selangor. Selepas itu, kempen ini akan diteruskan di kawasan-kawasan perindustrian yang lain di seluruh negara.

Pengedaran risalah tentang Tabung Pemberhentian Kerja, kempen mengutip tandatangan poskad untuk



ROADSHOW SELANGOR
LAKSANAKAN TABUNG
PEMBERHENTIAN KERJA SEKARANG!
SERTAI KAMI, INFO : 019 - 261 2259

25-27 Ogos
- RAWANG
- BKT BERUNTUNG
- HULU SELANGOR

ZON 5 18-20 Ogos
- SELAYANG
- BT GAVES
- ULU KLANG

ZON 4 4-6 Ogos
- SERDANG
- BANGI
- SEMENYIH
- BERANANG

1-3 Sept ZON 3
- SG BULOH
- SUBANG
- KLANG

11-12 Ogos ZON 2
- BANTING
- DENGKIL



hantar kepada kerajaan, menaikkan sepanduk-sepanduk untuk meningkatkan kesedaran, sidang akbar bersama pekerja dan banyak lagi aktiviti akan berlangsung sepanjang roadshow ini.

Sebarkan maklumat ini dan hubungi kami jika anda sudi menjadi sukarelawan dalam membantu kempen ini ataupun anda mahu kami datang ke kawasan anda untuk menjalankan aktiviti roadshow ini.



Pekerja kilang roti High-5 diberhentikan secara mengejut

Pekerja-pekerja di kilang roti High-5 telah mengadakan satu protes pada 25 Jun yang lalu di hadapan kilang tersebut, untuk membantah tindakan majikan yang tidak bertanggungjawab dalam memberhentikan kerja mereka secara tiba-tiba. Sivarajan Arumugam, Setiausaha Agung PSM, turut bersama para pekerja yang berprotes.

Seramai lebih 60 orang pekerja yang bekerja di kilang roti High-5 yang terletak di Seksyen 21, Shah Alam, Selangor, telah diberikan notis pemberhentian kerja pada 23 Jun. Walaupun notis itu adalah notis satu bulan, tetapi pekerja telah diarahkan untuk tidak datang kerja mulai hari keesokannya juga, iaitu 24 Jun 2016.

Pada 26 Jun, pekerja-pekerja High-5 di Ipoh juga mengadakan aksi piket.

Pada 30 Jun, lebih kurang 100 orang pekerja syarikat roti High-5 dari seluruh negara, telah mengadakan satu protes di hadapan ibupejabat

Kementerian Sumber Manusia di Putrajaya.

Para pekerja syarikat High-5 yang diberhentikan kerja secara mengejut baru-baru ini telah menuntut pada Menteri Sumber Manusia untuk mengambil tindakan yang konkret dalam membela nasib pekerja yang kehilangan punca pendapatan secara tiba-tiba akibat syarikat muflis. Mereka mendesak pihak Kementerian supaya campurtangan segera untuk menyelesaikan tunggakan gaji dan faedah renti kerja yang sepatutnya dibayar kepada mereka apabila diberhentikan kerja.

Undang-undang syarikat yang sedia ada amat tidak memihak pada pekerja apabila syarikat muflis. Oleh itu, campurtangan pihak kerajaan

diperlukan untuk memberi keutamaan kepada penyelesaian dalam bayaran gaji dan faedah renti kerja, bukannya untuk membayar bank-bank dan pemutang yang lain.

Penutupan dan pemberhentian kerja ini dilakukan secara tiba-tiba tanpa apa jua makluman awalan kepada

para pekerja. Pekerja amat tidak berpuashati kerana majikan hanya menawarkan gaji setengah bulan, tanpa apa-apa jaminan untuk pampasan pemberhentian kerja dan pembayaran baki gaji yang tertunggak.

Ini sememangnya satu pencabulan hak pekerja. Lebih-lebih lagi, para pekerja kehilangan punca pendapatan dalam masa 2 minggu sebelum Hari Raya Aidilfitri, macam mana boleh adanya suasana perayaan dalam keadaan begini?

Pekerja sering dikorbankan sewaktu krisis ekonomi. Ramai pekerja telah diberhentikan tanpa pampasan yang adil dan tiadanya jaminan pendapatan sewaktu mengangur, maka Tabung Pemberhentian Kerja amat perlu diwujudkan untuk menangani masalah sebegini. ##



Kenapa kita perlu Tabung Pemberhentian Kerja?

(Berikut adalah kenyataan yang dikeluarkan oleh Sivarajan Arumugam, Setiausaha Agung PSM, pada 30 Jun yang lalu.)

Baru-baru ini, penutupan kilang roti High-5 secara tiba-tiba menyebabkan lebih 500 orang pekerja di seluruh negara hilang kerja, dan inilah sebabnya mengapa kerajaan harus segera melaksanakan Tabung Pemberhentian Kerja.

Walaupun syarikat tersebut mengalami kerugian dan pelikuidasi telahpun mengambil alih syarikat sejak bulan Mac 2016, namun pekerja-pekerja tidak diberi notis pemberhentian kerja secara awal. Malah, pengeluaran berlaku pada kapasiti maksimum sehingga hari terakhir. Secara tiba-tiba, pekerja-pekerja diberi notis penamatkan kerja apabila mereka datang kerja pada 23 Jun 2016 dan diberitahu bahawa tidak perlu datang kerja lagi. Pejabat ditinggalkan kosong dan tidak kelihatan pihak pengurusan.

Pekerja dilepaskan dengan hanya gaji separuh bulan Jun 2016. Dalam keadaan menjelang Hari Raya dalam tempoh masa kurang daripada dua

minggu, pekerja-pekerja berasa hampa dengan poket kosong dan hilang harapan!

Ramai rasa terpaksa pinjam dari 'ah long' untuk memastikan Hari Raya disambut sekurang-kurangnya untuk anak-anak mereka. Mereka semestinya tidak mampu bayar balik pinjaman kereta dan rumah untuk beberapa bulan sehingga mendapat kerja baru.

Dalam tempoh masa 24 jam sahaja, pekerja-pekerja High-5 telah ditolak ke dalam kemiskinan!

Maka, inilah kenapa kita perlukan segera Tabung Pemberhentian Kerja untuk membantu pekerja-pekerja apabila majikan gulung tikar dan larikan diri tanpa pembayaran faedah penamatkan kerja, yang dalam terma undang-undang dikatakan Faedah Renti Kerja, di bawah Akta Kerja 1955.

Jabatan Tenaga Kerja melaporkan bahawa jumlah pemberhentian pekerja untuk tahun 2014 seramai



25,917 orang dan angka ini meningkat sebanyak 45% kepada 38,499 pada tahun 2015! Juga dilaporkan bahawa lebih kurang 31.4% pekerja yang diberhentikan tidak menerima apa jua pampasan daripada majikan kerana syarikat gulung tikar ataupun majikan milarikan diri!

Walaupun kepentingan pelabur, bank dan kepentingan pembiutang dapat dipelihara, tetapi syarikat dalam proses likudasi hanya membayar gaji pekerja sebagai hutang yang tidak jamin, iaitu gaji pekerja bukan keutamaan untuk pembayaran penyelesaian hutang syarikat yang muflis.

Sekiranya pelabur atau bank yang memberi pinjaman tidak dapat menuntut wang mereka, akan dianggap ianya satu urusan perniagaan yang teruk. Namun, bagi pekerja, kegagalan menuntut balik gaji mereka, bererti mereka tidak dapat menyajikan makanan di meja untuk keluarga mereka!

Tabung Pemberhentian Kerja bagi pekerja telah diketengahkan sejak tahun 1998 untuk memberi bantuan segera kepada pekerja-pekerja seperti mereka yang bekerja dengan High-5.

PSM mengesyorkan pada Kementerian untuk laksanakan segera Tabung Pemberhentian Kerja dengan dana permulaan daripada Kerajaan, diikuti dengan sumbangan majikan dan pekerja setiap bulan kepada tabung tersebut. PSM cadangkan tabung ini diuruskan oleh PERKESO dan menyediakan pembayaran serta-merta kepada pekerja supaya untuk mereka tidak jatuh dalam perangkap kemiskinan.

##

Jangan ulang tayang lagi Laksanakan Tabung Pemberhentian Kerja sekarang

(Berikut adalah kenyataan yang dikeluarkan oleh M. Sivaranjani, Penyelaras Biro Pekerja PSM, pada 21 Julai yang lalu.)

Parti Sosialis Malaysia (PSM) mengalu-alukan cadangan Menteri Sumber Manusia yang mahu membentangkan kertas kabinet Skim Insurans Pekerjaan (EIS) dalam sesi parlimen pada awal tahun hadapan sepertimana yang dilaporkan dalam berita Bernama semalam. Skim Insurans Pekerjaan (EIS) yang merangkumi Tabung Pemberhentian Kerja adalah jaring keselamatan yang amat penting untuk kaum pekerja.

Namun begitu, bagi PSM yang telah lama memperjuangkan skim ini bersama Jaringan Rakyat Tertindas (JERIT) dan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), pengumuman Menteri Sumber Manusia ini sebenarnya hanyalah ulang tayang yang dilakukan dari masa ke semasa untuk menangani krisis penutupan kilang dan pembuangan pekerja yang berleluasa di negara kita dewasa ini.

Pada Januari 2015, Menteri Sumber Manusia yang sama, Richard Riot mengatakan akan membentang Kertas Kabinet cadangan EIS di Parlimen pada Mac 2015. Kami berharap sandiwara dan kitar semula pengumuman yang dulu tidak diulang sekali lagi.

PSM berpendirian bahawa Skim Insurans Pekerjaan (EIS) yang akan juga merangkumi satu Tabung Pemberhentian Kerja harus diusahakan dengan kadar serta-merta. Skim Insurans Pekerjaan (EIS) adalah amat penting bagi pekerja yang sering menjadi mangsa apabila syarikat muflis dan majikan tidak menyelesaikan pampasan serta gaji pekerja. Skim ini berfungsi dengan sumbangan pekerja dan majikan setiap bulan. Apabila syarikat bankrap dan tidak mampu bayar pampasan rentikerja, maka tabung ini akan menghulurkan bantuan.

Selama ini, skim tersebut tidak dilaksanakan kerana bantahan daripada kaum majikan. Apa yang perlu dilaksanakan adalah sangat sedikit jika Kerajaan mempunyai kewibawaan. Mengikut pengiraan PSM, jika pekerja dan majikan menyumbang hanya 50 sen setiap bulan, maka untuk setahun kita boleh mengutip RM 72 juta berdasarkan jika 6 juta pencarum yang sumbangkan kepada KWSP membuat bayaran. Jika Kerajaan menyumbang 50 sen lagi, maka kita akan mempunyai RM 108 juta dalam tabung ini. Ini dengan senang dapat menampung kerugian purata yang dilaporkan oleh syarikat sebanyak RM 40 juta setahun.

PSM cuba mencadangkan bahawa Skim ini juga merangkumi:

1. Harus menyediakan eluan sara hidup bulanan sebanyak 80% daripada gaji terakhir pekerja untuk tempoh sekurang-kurangnya 6 bulan sehingga pekerja mendapat kerja lain.
2. Pada masa yang sama, ia harus membantu dalam memberi latihan kepada pekerja untuk penempatan semula.

Kita tidak mahu Menteri hanya sekadar respon bagi isu syarikat Rayani Air yang bankrap, malah banyak lagi syarikat kian hari sedang gulung tikar dan beribu-ribu pekerja sedang hilang kerja dan yang sedihnya hilang hak mendapat pampasan rentikerja mereka.

Baru-baru ini, syarikat roti High-5 menutup operasi di seluruh negara, begitu juga dengan Syarikat Paragon Converters, menyebabkan beratus-ratus pekerja hilang kerja. Pada awal tahun ini, Syarikat Megasteel mengurangkan pekerja dan sehingga sekarang tidak membayar pampasan. Ini hanya antara syarikat-syarikat besar yang keluar dalam berita. Banyak lagi syarikat kecil sedang tutup kilang dan hentikan pekerja.

Jika Skim sedemikian telah dilancarkan oleh Kerajaan beberapa tahun yang dahulu seperti yang kami cadangkan, maka nasib para pekerja ini dapat diselamatkan di mana

mereka dapat menikmati manfaat daripada tabung ini. Namun, selama ini Kerajaan hanya menyelamatkan syarikat-syarikat gergasi dan kroni yang muflis sementara melepaskan tanggungjawabnya dalam menyelamatkan pekerja yang dibuang kerja kerana krisis ekonomi.

Mengikut statistik yang dilaporkan di Parlimen, seramai 38,499 orang pekerja diberhentikan sepanjang tahun lalu berbanding dengan sejumlah 25,917 orang pekerja yang diberhentikan pada tahun 2014, iaitu peningkatan seramai 12,582 orang pekerja. Meskipun jumlah pemberhentian pekerja pada tahun lalu adalah yang tertinggi dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini, statistik itu adalah lebih rendah berbanding apa yang telah direkodkan pada tahun 2007, 2008 dan 2009 yang masing-masing mencatatkan seramai 42,336, 47,145 dan 65,516 orang pekerja yang telah diberhentikan.

Ini menunjukkan bahawa isu syarikat muflis dan pemberhentian pekerja secara besar-besaran serta secara tiba-tiba, merupakan satu fenomena yang sentiasa terjadi. Malah, keadaan menjadi semakin kritikal sejak kebelakangan ini. Oleh itu, PSM menggesa Menteri Sumber Manusia supaya tidak sekadar omong-omong kosong, dan bersikap serius dalam pelaksanaan Tabung Pemberhentian Kerja dengan segera! ##

Pembangkang gopoh buat kali ketiga

oleh S. Arutchelvan

Pada 14 Julai yang lalu, Dr. Mahathir Mohamad sekali lagi mengadakan sidang akbar untuk mengumumkan penubuhan sebuah parti baru. Nama parti baru tersebut tidak diumumkan tetapi beliau berkata parti baru ini akan bekerjasama dengan pembangkang untuk menumbangkan UMNO-BN dalam pilihanraya umum yang ke-14 yang kena dipanggil selewat-lewatnya pada tahun 2018.

Jika sidang akbar tersebut dibuat di hadapan puluhan ribu atau ratusan ahli UMNO, maka saya akan berasa teruja dan akan berpandangan positif bahawa satu kuasa politik baru sudah muncul untuk mencabar Najib Razak. Namun, apa yang mengecewakan dan membosankan adalah sidang akbar tersebut dibuat bersama dengan muka-muka beberapa pemimpin pembangkang yang kita sudah biasa lihat seperti Mahfuz Omar, Lim Kit Siang, Salahuddin Ayub dan beberapa orang yang lain.

Oleh yang demikian, kehairahan hilang begitu sahaja. Tidak ada apa-apa yang baru. Udara tepu terus menyelubungi ruang politik tanahair yang diterajui oleh seorang diktator berumur lebih 90 tahun. Wajah-wajah pemimpin pembangkang yang mengiringi Dr. Mahathir dengan jelas kelihatan begitu kosong, tiada idea baru dan seolah-olah mereka adalah budak suruhan Dr. Mahathir. Pembangkang nampaknya begitu terdesak sehingga mereka tidak mempunyai satu strategi teratur untuk menentang UMNO-BN. Perbalahan sesama sendiri semasa Pilihanraya Negeri Sarawak dan kekalahan dalam dua pilihanraya kecil baru-baru ini nampaknya tidak membawa sebarang kesedaran baru bahawa rakyat Malaysia mendahagakan politik baru dengan idea-idea baru.

Bukan salah Mahathir

Saya sebenarnya tiada bantahan tentang tindakan Dr. Mahathir yang hendak menubuhkan sebuah parti politik. Ini adalah hak beliau dan hak ini termaktub dalam Perkara 10, Perlembagaan Persekutuan di negara kita. Walaupun pada hakikatnya, kami adalah mangsa bagaimana Dr. Mahathir menyekat PSM mendaftar sebagai sebuah parti yang sah pada tahun 1998 dan bagaimana beliau juga menyekat Tunku Abdul Rahman dan Tun Hussein Onn untuk menubuhkan sebuah parti politik pada tahun 1987.

Namun demikian, dari segi logiknya, penubuhan sebuah parti politik untuk menentang UMNO-BN, sudah tentunya akan melemahkan parti UMNO sepertimana penubuhan AMANAH yang akan melemahkan parti PAS. Namun, semua orang mengetahui bahawa agenda parti baru Dr. Mahathir dan program maksimumnya hanyalah untuk tumbangkan Najib. Maka jangka hayat parti ini akan berakhir apabila Najib ditumbangkan, dan setelah itu, parti ini akan balik ke "pangkal jalan". Ahli-ahlinya akan bergabung balik dengan UMNO seperti Semangat 46 dulu, atas nama perpaduan Melayu. Mereka akan memberi talian hayat kepada UMNO sekali lagi.

Jikalau dibandingkan parti baru Dr. Mahathir dengan parti Semangat 46 yang diterajui oleh Tengku Razaleigh dulu, maka agendanya nampak sama. Yang beza adalah, Semangat 46 jauh lebih kuat berbanding dengan parti Mahathir. Semangat 46 juga tidak terus mendampingi parti pembangkang untuk meminta sokongan mereka, tetapi hanya apabila sampai dekat pilihanraya, barulah mereka bergabung dan membina dua gabungan politik, iaitu Angkatan perpaduan Ummah (APU) dan Gagasan Rakyat. Semangat 46 menjadi jambatan antara dua gabungan ini. Semangat 46 bekerjasama dengan PAS,

BERJASA, HAMIM dan KIMMA untuk menubuhkan Angkatan Perpaduan Ummah, sementara bekerjasama dengan DAP, PBS dan PRM untuk menubuhkan Gagasan Rakyat semasa Pilihanraya Umum pada tahun 1990.

Hari ini, nampaknya Dr. Mahathir tidak mempunyai banyak sokongan di kalangan ahli UMNO dan beliau hanya bergantung kepada beberapa ahli UMNO yang dipecat.

Tahun 1987 jauh berbeza dengan tahun 2016. Dulu Pembangkang tidak dapat manafikan majoriti 2/3 kerusi yang dikuasai BN di Parlimen, tetapi dalam PRU yang lalu, pembangkang telah mendapat undi popular yang lebih besar daripada BN. Maka dengan keyakinan ini, pembangkang pada hari ini sepertutnya jauh lebih kuat daripada pembangkang zaman Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri. Oleh itu, parti pembangkang sekarang ini sepertutnya merintis jalan untuk maju ke depan, tetapi ini tidak berlaku.

Sebenarnya, apa yang menjadikan saya marah adalah sifat dan sikap pembangkang yang sekali lagi membuat keputusan tergopoh-gapah dan menunjukkan mereka tidak mempunyai pendirian atau prinsip yang jelas. Andaikata jika Dr. Mahathir hendak menubuhkan parti, saya menjangkakan parti pembangkang akan sekurang-kurangnya tawar-menawar sedikit, berhujah bahawa mereka memerlukan lebih masa, berdiskusi dengan JK Pusat mereka dan mungkin juga dengan ahli-ahli mereka sebelum membuat satu keputusan untuk menyokong atau membantah.

Tetapi amalan yang dipaparkan oleh kepimpinan pembangkang kita tidaklah banyak berbeza dengan beberapa kumpulan anak muda yang dari semasa ke semasa membuat sidang akbar tanpa program susulan yang jelas. Nampaknya pemimpim

pembangkang di Malaysia tidak perlu bertanyakan mandat ahli mereka terlebih dahulu. Mereka boleh terus lompat dari satu gabungan ke satu jaringan baru tanpa persetujuan ahli mereka, sementara tugas ahli biasa hanyalah sekadar menelan apa-apa yang dimuntahkan oleh pemimpim mereka.

Maka setiap kali satu pengumuman dibuat, ahli mereka hanya mengetahuinya melalui media dan kemudian mereka sendiri keliru sehingga tidak dapat menjelaskan kepada rakyat apakah sebenarnya agenda parti mereka sendiri.

Pembangkang gopoh 3 kali

Yang jelas, Pakatan Rakyat (PR) tidak ditubuhkan oleh tiga buah parti itu secara sendiri, tetapi ia ditubuhkan kerana desakan dan aspirasi rakyat selepas PRU-12 yang mahukan pembangkang bersatu. Desakan rakyat yang begitu kuat menyebabkan DAP dan PAS bersetuju untuk bekerjasama dalam satu agenda bersama. Ini adalah satu peristiwa penting di mana desakan dari bawah menyebabkan pemimpin-pemimpin parti politik terpaksa akur kepada sentimen rakyat yang mahukan perubahan.

Pembangkang juga berasas baik kerana mereka menang semasa Abdullah Badawi menjadi Perdana Menteri; andaikata Dr. Mahathir yang menjadi Perdana Menteri masa itu, kemungkinan besar darurat akan dipanggil dan parti-parti ini tidak boleh membentuk kerajaan negeri. Inilah yang berlaku kepada Pairin Kitingan daripada PBS di mana walaupun dia mempunyai sokongan majoriti rakyat di Sabah, Dr. Mahathir dapat memusnahkan PBS dengan membeli ahli parti itu.

Pembentukan PR secara spontan adalah satu titik tinggi dalam politik pembangkang di negara kita. PR juga kemudiannya telah mengadakan konvensyen nasional dan telah menggubal posisi bersama yang termaktub dalam Buku Jingga.

Namun, PR yang ditubuhkan atas desakan rakyat telah dihancurkan oleh parti DAP dan PAS atas agenda politik sempit masing-masing. Penguburan PR telah mewujudkan kekecwaan yang amat sangat di kalangan rakyat, seolah-olah aspirasi dan kepentingan pilihan rakyat tidak dipeduli oleh kepimpinan parti-parti ini. Harus diingatkan bahawa rakyat telah memberikan mandat yang lebih besar kepada PR dalam PRU tahun 2013 berbanding dengan PRU tahun 2008. Namun adakah kepercayaan rakyat itu dikembalikan?

(sambung di m/s 9)



(sambung dari m/s 8)

Pembangkang gopoh – Penubuhan Pakatan Harapan

Selepas kehancuran Pakatan Rakyat, sudah tentunya pemimpin-pemimpin parti ini terpaksa lebih berhati-hati sebelum menubuhkan satu gabungan baru. Mereka juga harus memastikan kesilapan sebelum ini tidak berulang dan isu-isu pokok yang menjadi duri dalam daging, seperti Hukum Hudud dan pilihanraya kerajaan tempatan, dibereskan terlebih dahulu sebelum satu gabungan baru ditubuhkan. Namun ini tidak berlaku.

Pembangkang bertindak gopoh apabila mereka mengumumkan penubuhan gabungan politik baru, iaitu Pakatan Harapan (PH). Ini dilakukan dalam suasana yang sungguh tergopoh-gapah dan terburu-buru. Pada hari mereka mengumumkannya, mereka tidak mempunyai pendirian bersama dan belum lagi membentuk sebarang posisi bersama. Malah, dalam dua negeri yang diperintah oleh PH, mereka mempunyai rakan kongsi yang berbeza. Di Pulau Pinang, PAS berada dalam pembangkang, manakala di Selangor, PAS adalah dalam gabungan parti yang memerintah. Malah, apabila media bertanyakan pelbagai soalan, mereka langsung tidak dapat menjawab tetapi telah mengumumkan calon Perdana Menteri mereka adalah Anwar Ibrahim. Yang lucu adalah biasanya suatu organisasi politik akan meletakkan dasar perjuangan dulu, barulah umumkan pemimpin, tetapi di sini semuanya dibuat secara terbalik.

Maka, nampaknya mereka seperti belum belajar daripada kegagalan PR. Ini memberikan gambaran bahawa mereka gopoh, belum bersedia dan masuk ke dalam arena tanpa memikirkan banyak perkara. Mengapa setelah kegagalan PR, mereka tidak mengambil sedikit masa yang lebih panjang lagi untuk membentuk satu pakatan baru yang lebih kuat, lebih menyeluruh dan lebih berwibawa? Ini tidak dilakukan dan seolah-olah PH adalah langkah tergesa-gesa untuk menggantikan parti PAS dengan AMANAH. Mereka juga merasakan rakyat dengan senang hati akan menerima ini. Malah mereka lupa, sejak peristiwa Langkah Kajang dan krisis Menteri Besar Selangor, rakyat semakin marah dan hilang kepercayaan kepada parti pembangkang.

Pembangkang gopoh kali ke-2 – Deklarasi Rakyat

Namun, jika ini seperti bukan satu pengajaran, pembangkang gopoh sekali lagi apabila mereka terus terjun untuk menyokong Deklarasi Rakyat yang ditaja dan dipimpin oleh Dr. Mahathir.

Dari awal lagi mereka keliru. Pemimpin parti pembangkang mengatakan mereka menyokong

sebagai individu dan bukan parti. Ini telah menimbulkan pelbagai kekeliruan di kalangan penyokong mereka sendiri dan juga masyarakat sivil. Masyarakat sivil berpecah dua dan begitu juga PKR berpecah dua, dengan kumpulan yang menyokong dan tidak menyokong Deklarasi Rakyat. Rata-rata pembangkang yang menentang BN berpecah kepada dua kumpulan, pro-Deklarasi dan anti-Deklarasi. Pemimpin PH harapkan UMNO berpecah dulu, tetapi pembangkang berpecah dengan lebih teruk lagi.

Sekali lagi persoalan saya adalah, mengapa kepimpinan pembangkang tidak mengadakan perbincangan menyeluruh sebelum terjun dalam satu agenda baru? Mengapa apabila Dr. Mahathir mengemukakan satu cadangan, pembangkang dan segelintir pemimpin masyarakat sivil kena terus terjun dan menyertainya secara terburu-buru? Mengapa mereka tidak mampu meminta lebih masa untuk mempertimbangkan pro dan kontra? Mengapa mereka tidak mengambil lebih masa untuk bertanyakan kepada ahli-ahli mereka? Mengapa mereka begitu ghairah sangat hendak berdiri mengelilingi Dr. Mahathir? Maka, sekali lagi tindakan gopoh pembangkang membawa padah. Surat daripada Anwar Ibrahim di penjara yang mempersoalkan Deklarasi Rakyat telah terus merapuhkan lagi pembangkang. Ini merupakan kesilapan kedua selepas terkuburnya PR, tetapi ia tidak berhenti di sini.

Gopoh kali ke-3 – Sokong Parti Mahathir

Jika dua kali kena tak cukup, pembangkang terus memaparkan kegopohan mereka untuk terus menyertai Dr. Mahathir dalam sidang akhbar yang mengumumkan penubuhan parti baru. Ada yang sekarang mengatakan bahawa kini sudah rasmi Dr. Mahathir menjadi Ketua Pembangkang menggantikan Anwar Ibrahim.

Ini juga memberi senjata kepada Najib untuk berkata bahawa Dr. Mahathir kini sudah menjadi alat pembangkang dan ini sedikit sebanyak akan menyebabkan penyokong tegar BN tidak bersama parti baru kerana dilihat sebagai satu lagi parti pembangkang.

Jika kita berbincang



secara strategik, maka sepatutnya pembangkang membenarkan parti Dr. Mahathir lawan UMNO secara berasingan daripada Pakatan Harapan. Dengan tidak bergabung, masing-masing boleh mendapat lebih sokongan untuk melawan UMNO dan pada masa yang sama tidak meminggirkan penyokong tradisi mereka. Namun, dalam episod terkini, pembangkang sekali lagi menunjukkan mereka tiada idea. Mereka terima sahaja Mahathir sebagai pemimpin mereka dan terikut-ikut langkahnya.

ABC dalam demokrasi

Setiap langkah pembangkang memperlihatkan mereka terlalu terdesak dan gopoh. Mereka juga seperti tidak ada strategi dan sentiasa bergerak di bawah bayangan Dr. Mahathir.

ABC dalam demokrasi adalah, mendapat pandangan rakyat, berbincang dengan ahli biasa, bincang program secara kolektif sebelum melaksanakannya. Namun, kesemua amalan demokrasi, penyertaan rakyat nampaknya tidak ada lagi. Masyarakat sivil yang sebelum ini begitu aktif dengan pelbagai aktiviti kini nampaknya semakin merundum dan semakin hilang pedoman. Mereka juga seperti parti pembangkang yang tidak ada idea.

Rata-rata rakyat sudah menjadi bosan dan putus asa. Itulah

sebabnya apabila Dr Mahathir memimpin mereka terima, kerana mereka tidak nampak kepimpinan daripada pemimpin parti pembangkang mahupun pemimpin masyarakat sivil.

Hanya ada satu langkah, iaitu kembali kepada akar umbi dan membina gerakan rakyat dari bawah. Hanya gerakan rakyat dengan penyertaan kaum buruh, petani, anak muda dan lain-lain organisasi akar umbi dapat membina kembali kekuatan rakyat. Selagi tidak ada usaha serius untuk menggerakkan kumpulan-kumpulan ini, maka Najib dan UMNO-BN akan terus menang dengan menggunakan persoalan perkauman dan kuasa pemerintahannya.

Rakyat yang merana kerana krisis ekonomi berpanjangan dan sistem neoliberal yang mencengkam, sudahpun bosan dengan politik dari atas. Mereka hanya akan terlibat semula secara aktif dalam politik jika mereka menjadi sebahagian daripada perubahan dan bukan pemerhati dari luar. Kita harus memikirkan satu gerakan politik baru yang lebih demokratik dari bawah jika kita mahu membawa perubahan keseluruhan. Sudah cukup bosan dengan sidang akhbar dan pengumuman. Kini masa untuk mendampingi rakyat biasa, ahli parti biasa dan berbincang strategi untuk melawan dan juga membentuk negara Malaysia yang kita idamkan.

##



Gaji Minimum RM 1000

Lapor jika majikan ingkar

Satu berita baik kepada kaum pekerja! Mulai 1 Julai 2016, Perintah Gaji Minimum 2016 mula berkuatkuasa, iaitu gaji minimum meningkat daripada RM 900 ke RM 1000 di Semenanjung Malaysia dan daripada RM 800 ke RM 920 di Sabah dan Sarawak.

Kadar gaji baru ini terpakai kepada semua pekerja di sektor swasta yang bekerja di bawah suatu kontrak perkhidmatan, kecuali pekerja khidmat domestik, iaitu pembantu rumah, tukang kebun, tukang masak dalam rumah persendirian.

| Kawasan wilayah | Kadar Gaji Minimum | | |
|---|--------------------|--------------------------------------|------------|
| | Bulanan | Harian | Setiap jam |
| Semenanjung Malaysia | RM 1,000 | Bilangan hari bekerja dalam seminggu | RM4.81 |
| | | 6 RM 38.46 | |
| | | 5 RM 46.15 | |
| | | 4 RM 57.69 | |
| Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan | RM 920 | 6 RM 35.38 | RM4.42 |
| | | 5 RM 42.46 | |
| | | 4 RM 53.08 | |
| | | | |

Sumber: Kementerian Sumber Manusia

Adakah kerajaan akan memastikan kontraktornya membayar gaji minimum terkini RM 1000?

(Berikut adalah kenyataan yang dikeluarkan oleh Rani Rasiah, AJK Pusat PSM, pada 20 Julai 2016.)

Adakah kerajaan akan patuh kepada paras pembayaran gaji minimum yang ditetapkannya sendiri? Adakah semua pekerja kontrak yang bekerja di pelbagai jabatannya menerima bayaran gaji minimum untuk bulan Julai 2016.

Mampukah Kementerian Pendidikan memastikan kontraktor lantikan kerajaan sendiri yang membekalkan khidmat pembersihan dan kawalan keselamatan akan membayar semua pekerja pembersihan, tukang kebun dan pengawal keselamatan yang bekerja di lebih 10,000 sekolah di seluruh negara dengan bayaran gaji minimum RM 1000 bermula dengan gaji bulan Julai nanti?

Persoalan ini dibangkitkan kerana terdapat kontraktor lantikan kerajaan memberitahu pekerja mereka bahawa mereka belum menerima sebarang arahan dan mereka sendiri mengatakan tidak mampu untuk membayar kadar baru gaji minimum ini. Jika begitu, Kementerian Pendidikan nampaknya tidak bertanggungjawab dan tidak ambil

berat langsung terhadap para pekerja yang diupah di bawah kontraktor-kontraktor sedemikian.

Keraguan terhadap pelaksanaan gaji minimum RM1000 ini ada asasnya. Hakikat yang cukup pedih adalah sejumlah besar (mungkin majoriti) daripada pekerja kontrak di bawah Kementerian Pendidikan tidak juga dibayar gaji minimum sejak tahun 2013 yang lalu. Kementerian berpandangan bahawa para kontraktorlah yang harus bertanggungjawab untuk membayar gaji minimum itu terlebih dahulu kemudian menuntut kembali pada kementerian tetapi kontraktor pula menyalahkan pihak kementerian kerana gagal menyediakan peruntukan tambahan. Sandiwara saling menyalahkan satu sama lain antara kementerian dan kontraktornya menyebabkan pembayaran gaji minimum untuk pekerja ini terus tertunggak.

Malah sehingga sekarang, peruntukan tambahan ini sekitar RM 2400 sehingga RM 3000 untuk seorang pekerja [(RM 900 gaji minimum - RM700 gaji sebenar) x 12 bulan] masih dalam simpanan pihak Kementerian Pendidikan. Pihak Kementerian sememangnya boleh menyalurkan wang ini terus kepada pekerja. Tetapi mereka sengaja mengikat diri mereka dengan alasan birokrasi dan prosedur. Sistem kontrak harus

Pada kali ini, pihak Kerajaan telah mengambil beberapa tindakan positif yang berpihak kepada pekerja, hasil daripada aduan secara konsisten yang dibuat oleh PSM dan badan pekerja lain kepada Kementerian Sumber Manusia.

Antara PERKARA PENTING yang perlu diketahui oleh para pekerja adalah:

Gaji Minimum RM 1000 / RM 920 adalah gaji pokok. Ini bermaksud ia tidak termasuk elaun, insentif atau apa-apa bayaran tambahan.

Majikan TIDAK boleh berunding dan membuat penstruktur semula gaji untuk menjadikan elaun-elaun sebagai sebahagian daripada gaji minimum.

Majikan TIDAK boleh memohon untuk menangguhkan pelaksanaan gaji minimum.

Majikan TIDAK boleh membuat sebarang pengurangan gaji minimum bagi pekerja semasa dalam tempoh percubaan.

Sila periksa slip gaji anda mulai Ogos 2016 (bagi gaji Julai 2016) untuk memastikan anda dibayar gaji minimum seperti yang telah ditetapkan oleh Majlis Perundingan Gaji Negara. Jika majikan tidak mengikut mana-mana yang disebutkan di atas, sila buat aduan kepada hotline di bawah atau mana-mana Jabatan Tenaga Kerja yang terdekat dengan anda.

Jika majikan gagal laksanakan gaji minimum RM 1000 atau syarikat tiba-tiba tutup dan anda hilang kerja...

Telefon/SMS/whatsapp kepada nombor-nombor berikut:

| Negeri | Hotline |
|-----------------|-------------|
| Kuala Lumpur | 010-2580455 |
| Selangor | 016-4407422 |
| Perak | 018-4633500 |
| Pulau Pinang | 019-5669518 |
| Kedah | 017-5824532 |
| Pahang | 019-5696964 |
| Negeri Sembilan | 012-2414351 |
| Melaka | 016-3963459 |
| Johor | 017-7540597 |
| Kelantan | 013-9701934 |
| Terengganu | 013-9398975 |

atau hubungi Biro Pekerja PSM

Tel: 010-2402159

E-mel: jani6028@yahoo.com

dihapuskan di jabatan-jabatan kerajaan kerana ia bersifat eksplotatif. Pekerja yang bekerja di bawah kontraktor kerajaan ini tidak menikmati kenaikan gaji walaupun telah bekerja selama 10 tahun. Mereka menerima gaji yang sama dengan pekerja yang baru bekerja, justeru tidak layak mendapat pinjaman perumahan kerajaan. Pekerja ini juga tiada apa jua perlindungan kemudahan kesihatan daripada kerajaan. Ramai juga kontraktor yang menindas pekerja mereka dengan tidak membuat caruman KWSP dan PERKESO.

Kewujudan sistem penswastaan perkhidmatan asas sebegini kepada para kontraktor mungkin akan memanfaatkan visi kerajaan untuk membentuk suatu kelas peniaga dan kontraktor yang berjaya tetapi ia jelas akan memiskinkan warga pekerja di Malaysia.

Menteri Pendidikan mesti mengambil tindakan segera bagi memastikan gaji minimum baru RM 1000 dibayar tepat pada waktunya kepada semua pekerja kontrak yang bekerja di premis-premis kerajaan. ##



Gaji Minimum RM 1000 bermula Julai 2016

Berikut adalah kenyataan yang dikeluarkan pada 22 Jun 2016 oleh Sivarajani, AJK Pusat PSM merangkap Penyelaras Biro Pekerja PSM.

Kos hidup naik 30%, Gaji Minimum hanya naik 11%

Pada 1 Julai ini, gaji minimum sepatutnya dinaikkan ke tahap RM 1000 sebulan di Semenanjung Malaysia dan RM 920 di Sabah dan Sarawak. Jumlah ini adalah lebih rendah daripada angka yang dicadangkan oleh Bank Dunia (iaitu sebanyak RM 1100 sebulan), lagi lebih rendah daripada angka gaji minimum untuk pekerja kerajaan (iaitu sebanyak RM 1200), dan jauh lebih rendah daripada angka yang disarankan oleh Parti Sosialis Malaysia (PSM), Jaringan Rakyat Tertindas (JERIT) dan Deklarasi Mei 2016 yang disokong oleh 115 organisasi masyarakat dan kesatuan sekerja, iaitu RM 1500 sebulan.

Kami juga menegaskan bahawa gaji minimum yang naik hanyalah pada kadar 11% berbanding dengan kos hidup yang telah naik sebanyak 30%. Kenaikan gaji minimum ini juga amat jauh lebih rendah daripada kenaikan gaji untuk ahli-ahli parlimen pada tahun 2015, iaitu sebanyak 140% (dari RM 6,508 ke RM 16,000).

Namun, kami mempunyai kerisauan bahawa, apabila gaji minimum diselaraskan pada paras RM 1000 untuk Semenanjung dan RM 920 untuk Sabah dan Sarawak, maka perkara-perkara di bawah akan berlaku:

1. Majikan tidak melaksanakannya, meminta lebih masa untuk pelaksanaan atau berpura-pura tidak mengetahui mengenai peningkatan paras gaji minimum ini. Daripada soalan di Parlimen yang ditujukan oleh Abdullah Sani (Ahli Parlimen Kuala Langat) kepada Kementerian Sumber Manusia pada 7 April 2016 (PR-1341-L71892), mengenai jumlah syarikat yang tidak patuh arahan Gaji Minimum, jawapannya didapati daripada tinjauan Jabatan Tenaga Kerja (JTK) ke atas 81,200 syarikat, didapati sebanyak 1,172 majikan

tidak melaksanakan gaji minimum setakat 31 Disember 2015.

2. Majikan akan mengurangkan faedah atau elaun yang lain dan baru naikkan gaji sebanyak RM 100. Sebenarnya, mereka tidak melakukan sebarang kenaikan gaji dengan berbuat demikian.
3. Majikan mengugut untuk menutup syarikat atau mengurangkan pekerja untuk memberikan tekanan kepada kerajaan supaya tidak melaksanakannya atau menangguhkan pelaksanaan.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh Timbalan Menteri di Kementerian Sumber Manusia, Ismail Abd Mutalib, jika ada syarikat yang tutup, ia tidak ada kena-mengena dengan pelaksanaan gaji minimum. Maka, kami berharap Jabatan Tenaga Kerja bersedia untuk mengambil tindakan terhadap syarikat-syarikat yang tidak mengamalkan gaji minimum ataupun memanipulasikan pelaksanaan, memandangkan taktik, alasan dan amalan mereka dapat dijangka.

Maka PSM menuntut bahawa:

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) harus memastikan pelaksanaan Gaji Minimum RM 1000 dan RM 920 mulai Julai 2016.
2. KSM harus menggugurkan syarat potongan 30% daripada gaji minimum bagi pekerja dalam tempoh percubaan, kerana ini adalah satu tindakan yang bertentangan dengan motif pelaksanaan gaji minimum.
3. Mansuhkan kelonggaran yang diberikan kepada majikan untuk menyertakan elaun dalam kiraan jumlah gaji minimum.
4. KSM harus mewujudkan lebih meja pemantauan dan



penguatkuasaan di seluruh negara supaya pekerja senang mengadu jika majikan ingkar Perintah Gaji Minimum baru.

5. Hentikan pemotongan duit levi daripada gaji pekerja migran yang menerima gaji minimum.
6. KSM harus mempunyai hotline untuk pekerja mengadu dan memastikan butir-butir pengaduan dirahsiahkan, kerana ramai pekerja yang takut akan dimangsakan jika membuat aduan.
7. KSM harus memulakan pendakwaan ke atas syarikat-syarikat yang tidak melaksanakan gaji minimum dan mengeluarkan buletin bulanan mengenai sejauh mana tindakan penguatkuasaan telah diambil.

Latar belakang Pelaksanaan Dasar Gaji Minimum di Malaysia

Gaji Minimum diperkenalkan di Malaysia pada Januari 2013, selepas satu perjuangan yang berpanjangan. Pada masa itu, paras gaji minimum ditetapkan pada RM 900 untuk Semenanjung Malaysia dan RM 800 bagi Sabah dan Sarawak. Walaupun ini satu angka yang jauh lebih kurang daripada tuntutan PSM dan organisasi buruh, iaitu RM1500 selaras dengan kos hidup, tetapi inilah hakikatnya.

Pelaksanaan Gaji Minimum juga turut disertakan dengan Garis Panduan Gaji Minimum di mana memberi banyak kesempatan kepada pihak majikan untuk dimanipulasi dan tidak melaksanakan Gaji Minimum. Permulaan Gaji Minimum ini wujudkan pelbagai huru-hara di negara di kalangan majikan. Antara masalah yang wujud:

- a. Memberi kelonggaran kepada majikan yang mengupah 6 pekerja ke bawah untuk tangguhkan pelaksanaan Gaji Minimum ke Julai 2013.
- b. Majikan protes tidak mahu membayar Gaji Minimum kepada pekerja migran, akhirnya Kementerian Sumber Manusia tunduk kepada tuntutan majikan untuk mengalih beban bayaran levi kepada pekerja migran.

c. Majikan menipu dan dapatkan persetujuan daripada pekerja untuk masukkan segala elaun supaya dijadikan jumlah gajinya RM 900 dan RM 800.

d. Garis Panduan Gaji Minimum juga menyatakan pekerja dalam tempoh percubaan mendapat 30% kurang daripada Gaji Minimum. Ini sesuatu yang tidak masuk akal.

Sandiwarra pelaksanaan tidak berhenti di sini. Disebabkan tekanan kuat daripada majikan. Maka, pelaksanaan penuh Gaji Minimum ditangguh sehingga tahun 2014 bagi syarikat kecil dan sederhana. Oleh, secara realitinya, pekerja hanya mula menerima Gaji Minimum RM 900 dan RM 800 mulai tahun 2014. Walau bagaimanapun, kami masih menerima banyak aduan daripada pekerja bahawa ada di kalangan majikan masih belum melaksanakan Gaji Minimum.

Amaun Gaji Minimum seharusnya dikaji dua tahun sekali dan sepatutnya gaji baru bermula Januari 2015, tetapi Majlis Perundingan Gaji Minimum menggunakan alasan yang tidak masuk akal untuk menangguhkan pelaksanaan paras Gaji Minimum baru ke Julai 2016, iaitu 18 bulan lebih lambat.

Gaji Minimum RM 1000 dan RM 920 bukan satu amaun yang munasabah berbanding kos hidup yang meningkat lebih 30%, manakala peningkatan gaji hanya 11% dan 15%. Tambahan pula, pihak Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF) sudahpun memulakan propaganda mereka dalam menangguhkan peningkatan gaji minimum RM 100 dan RM 120 ini, dengan amaran bahawa lebih banyak pekerja akan hilang kerja jika gaji minimum dilaksanakan. Kami juga cukup yakin bahawa cadangan yang diminta oleh Majlis Perundingan Gaji Minimum kepada kerajaan adalah lebih tinggi daripada yang dipersetujui. Butiran ini kini dijadikan rahsia di bawah Akta Rahsia Rasmi. Maka adalah tidak masuk akal bahawa satu badan yang ditubuhkan oleh Parlimen secara bebas tetapi mereka masih terpaksa mengikuti rentak parti pemerintah yang begitu jinak dengan golongan korporat dan kapitalis. ##

Adakah majikan anda sudah bayar gaji minimum RM 1000?



Talian aduan biro pekerja PSM
010-2402159

Rohingya: mencari jalan berhenti jadi pelarian...

oleh Letchimi Devi

Pada 20 Julai yang lalu, akhbar-akhbar tempatan melaporkan kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Shahidan Kassim, bahawa "kabinet memutuskan untuk tidak lagi membentarkan Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNHCR) mengeluarkan kad UNHCR kepada individu yang memohon secara 'walk in' berkuatkuasa hari ini". Katanya lagi, "kabinet memutuskan supaya kad itu dikeluarkan di depot tahanan imigresen dengan pemantauan Jabatan Imigresen." Selain itu beliau juga berkata hanya etnik Rohingya patut diiktiraf sebagai pelarian kerana mereka inilah yang dizalimi di negara mereka, iaitu Myanmar.

Ini adalah satu berita baik. Kabinet akhirnya telah mengakui bahawa urusan mengendali pencari suaka dan pelarian adalah tanggungjawab kerajaan. Kenyataan ini juga mencadangkan bahawa mulai sekarang pihak kerajaan akan sepenuhnya mengambil tanggungjawab untuk menentukan status pelarian seseorang pencari suaka, memastikan kebijakan mereka terjamin dari segi makanan, tempat tinggal, kesihatan, pekerjaan, peluang pendidikan dan latihan serta mencari solusi jangka panjang untuk masalah pelarian!

Berita ini pasti mengembirakan pihak UNHCR yang telah memikul tanggungjawab Kerajaan Malaysia selama ini, atas mandat yang diberi oleh Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Sebagai anggota kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), adalah tidak wajar Malaysia buat bodoh tentang peranan UNHCR memandangkan sejak tahun 1975 Kerajaan Malaysia telah bekerjasama dengan UNHCR untuk membantu pelarian-pelarian dari Vietnam, Filipina (komuniti Muslim dari Mindanao), Kemboja (komuniti Muslim Cham), ratusan orang Bosnia pada tahun 1990-an dan pelarian dari Aceh (awal tahun 2000-an).

Sekarang ini, kita ada lebih daripada 60,000 orang Rohingya dan beberapa ratus pelarian dari Afghanistan, Iraq, Syria, Yemen, Palestin, Pakistan dan Somalia di Malaysia. Kalau boleh, mereka semua nak balik. Siapa sanggup hidup di negara lain sebagai pelarian – tanpa hak bergerak, bekerja, bersekolah, malah dihina dan dimangsakan setiap hari! Anda mahu?

Kita semua ada hak untuk hidup secara bermaruah, dengan kebebasan dan jaminan keselamatan. Kerajaan-kerajaan yang bersifat diktator, zalim serta kapitalis-kapitalis dunia yang bermotifkan keuntungan dan sanggup membunuh dan menjahanamkan harta benda atau alam sekitar, perlu menghentikan penindasan dan kezaliman mereka. Jika tidak, kita tidak akan berhenti

menjadi pelarian di negara orang!

Kenapa Masyarakat Rohingya dizalimi?

Hairannya, mereka yang dikatakan alim, yang berkhutbah pasal kedamaian dan keamanan boleh menghasut kebencian terhadap komuniti Rohingya. Begitu kerdil pemikiran mereka, tapi kenapa? Kenapa Kerajaan Myanmar mengantung kewarganegaraan mereka dan tidak mahu mengiktiraf etnik Rohingya? Mereka dihina dan didiskriminasi hampir dua abad. Malah perkataan ROHINGYA di Myanmar telah diharamkan! Daripada beberapa rujukan, tuduhan-tuduhan yang dilemparkan adalah – mereka ini pendatang haram; etnik Rohingya tidak wujud / mereka semua Bengali; daripada menggunakan senjata yang diberi British untuk melawan Jepun (Perang Dunia Kedua), komuniti ini telah menyerang dan bunuh masyarakat penganut agama Buddha Rakhine; berani menuntut autonomi di utara Rakhine dan menggelar diri mereka sebagai orang asli Rohingya.

Beberapa laporan mengatakan setakat ini ada lebih 1 juta orang Rohingya di Myanmar. Daripada itu, 140,000 orang tinggal dalam khemah. Sejak tahun 2012, UNHCR menganggarkan bahawa lebih daripada 110,000 orang, kebanyakannya Rohingya, berhijrah ke negara-negara jiran seperti Thailand, Filipina dan Malaysia melalui bot.

Betulkah semua ini kerana isu bangsa, agama dan nasionalisme? Saya tidak dapat terima alasan ini kerana manusia berzaman-zaman sejak kewujudan mereka, telah belajar hidup berkelompok, bekerjasama dan bertolakansur. Tiada agama yang mengajar kebencian, balas dendam dan menghina kaum lain, betulkan?

Abdul Razak bin Jalal Ahmad, umur 44 tahun, seorang pelarian Rohingya di Malaysia sejak tahun 1986 (dia pulang pada tahun 1988, selepas 2 tahun masuk balik Malaysia). Dia telah ditangkap oleh Jabatan Imigresen Malaysia lebih daripada 10 kali. Bermacam-macam kerja dia buat di Malaysia untuk 'survival', dari cuci kereta hingga pembinaan. Razak, seorang intelek walaupun berpelajaran setakat Darjah 10 (Tingkatan 3), oleh kerana begitu banyak pengalaman hidup dan begitu banyak

maklumat yang dia boleh berkongsi, maka pandangan dan analisanya lebih rasional.

Apabila ditanya, apakah masa depan komuniti Rohingya di Myanmar, dia berkata bahawa situasi sekarang mengelirukan tetapi selepas kerajaan sekarang dapat mengukuhkan kuasa



mereka, situasi mungkin akan bertambah baik kepada komuniti Rohingya. Menurutnya, kebanyakan penyokong kerajaan baru adalah anti-Muslim dan kumpulan ini ada sokongan kerajaan tentera. Walaupun ada komuniti lain yang beragama Islam, mereka adalah minoriti. Rohingya adalah golongan berjumlah besar yang beragama Islam dan tidak mahu menerima panggilan lain seperti Muslim Rakhaine. Selagi kerajaan baru Myanmar tidak membersihkan puak pelampau dalam partinya, perubahan adalah amat sukar.

Harapan Razak untuk kerajaan baru di Myanmar, "memberi 100% demokrasi tanpa mengira kaum dan agama di masa depan".

Soalan terakhir adalah, apakah agenda sebenar di sebalik kebencian terhadap Rohingya? Jawapan Razak adalah, punca sebenar adalah ekonomi. Apabila ekonomi tak kukuh, rakyat tak puas hati. Maka kerajaan mula memesongkan perhatian rakyat kepada isu-isu agama, perkauman dan migran, agar mereka tidak memberontak terhadap kerajaan. Taktik paling "laku" di semua tempat termasuk Amerika Syarikat.

Katanya, pada tahun 1968, ekonomi Myanmar bergantung pada beras. Petani-petani Myanmar menghasilkan beras wangi No. 1 di dunia. Malangnya, mereka kena jual beras kepada kerajaan pada harga yang begitu rendah sehingga mereka sendiri tak mampu beli. Melalui sistem pencatuan makanan, kualiti beras yang diberi kepada rakyat sangat teruk. Ketika itu, gaji seorang buruh sehari 3.50 kyat, tapi harga beras murah pula 2.5 kyat untuk 2 kilo. Harga barang begitu tinggi dan masa itu orang terkaya ialah orang Cina. Pada masa ini juga, Mao Ze Dong (pemimpin komunis China) sangat popular di

kalangan rakyat. Jadi, untuk mencegah pengaruh revolusi di China merebak di kalangan petani, tentera Myanmar mewujudkan masalah antara orang Cina dan pelajar-pelajar universiti. Isunya ialah 'seorang cikgu perempuan Myanmar beragama Buddha telah dirogol oleh sekumpulan orang Cina' – ini telah memesong tumpuan rakyat dari isu ekonomi kepada perkauman.

Menurut Razak lagi, perkara sama berlaku pada tahun 1987. Wujud masalah inflasi akibat masalah matawang palsu. Duit yang dipegang oleh rakyat tak ada nilai, rakyat tak puas hati dan masa itu tiada kepimpinan yang boleh membawa perubahan. Pada tahun 1988, wujudnya pergerakan demokrasi di kalangan pelajar-pelajar universiti dan kerajaan menggunakan kekerasan untuk menindas rakyat. Pada masa itu, kerajaan tentera lepaskan banduan dari penjara, jenayah meningkat dan rakyat kembali berpecah-belah!

Negeri Rakhaine ini kaya dengan sumber alam semula jadi seperti gas dan petroleum. Ia juga dilihat sebagai kawasan paling strategik untuk dijadikan pelabuhan. Rakhaine adalah asas kuasa. Mungkinkah jika masyarakat Rohingya diiktiraf, mereka akan minta autonomi di utara Rakhaine seperti mana pada tahun 1948?

Pada 15 Julai yang lalu, dilaporkan bahawa penduduk dari 17 daerah di Rakhine telah menandatangani petisyen meminta mereka diberi kawalan setempat (*local control*) untuk sumber alam semulajadi, kerana keselamatan dan kebajikan mereka tergugat. Menurut Perlembagaan Myanmar tahun 2008, kawalan berada dalam tangan kerajaan pusat. Menurut Arakan Oil Watch, 10 buah syarikat dari 10 negara kini menggali minyak dan gas asli, serta 4 buah syarikat

melombong mineral logam, di negeri Rakhine sejak 2002. Walhal negeri Rakhine adalah salah satu negeri dengan kadar kemiskinan paling tinggi di Myanmar. Nampaknya rakyat tidak mendapat sebarang faedah daripada sumber-sumber alam ini. ##



Kudeta gagal, Erdogan makin represif

Pada 15 Julai yang lalu, satu puak dalam tentera Turki telah melancarkan rampasan kuasa pada waktu malam, sebagai cubaan untuk menjatuhkan pemerintahan Presiden Recep Tayyip Erdogan dan kerajaan yang dipimpin oleh Parti Keadilan dan Pembangunan (AKP). Namun, dalam tempoh beberapa jam sahaja, cubaan kudeta tentera tersebut telah digagalkan oleh kumpulan bersenjata yang setia pada Erdogan dan juga massa rakyat yang dimobilisasikan untuk mempertahankan kerajaan yang dipilih secara demokratik.

Pertempuran bersenjata berlaku di Ankara, ibu negara Turki, dan Istanbul, bandaraya terbesar negara tersebut. Bangunan parliment dan istana presiden telah diserang. Binali Yıldırım, Perdana Menteri Turki telah mengumumkan pada pagi 16 Julai 2016 bahawa "keadaan telah dikawal sepenuhnya". Cubaan rampasan kuasa telah gagal akhirnya.

Menurut laporan, lebih 290 orang mati dalam peristiwa cubaan kudeta pada 15-16 Julai, termasuklah askar yang terlibat dalam kudeta, anggota keselamatan yang sokong kerajaan dan juga orang awam. Lebih 1440 orang cedera. Sejurus selepas cubaan kudeta digagalkan, kerajaan Turki telah mengambil tindakan untuk memburu saspek yang terlibat dalam plot menjatuhkan kerajaan tersebut dan melakukan penangkapan secara besar-besaran. Lebih 45,000 orang pegawai kerajaan (termasuk pegawai tentera, hakim, gabenor, guru dan lain-lain lagi) telah ditahan atau digantung jawatan dalam operasi "pembersihan" yang dilakukan oleh kerajaan Turki. Pada 20 Julai, Erdogan mengumumkan darurat selama 3 bulan.

Siapa yang untung daripada kudeta (gagal)?

Erdogan sedang bercuti di Marmaris yang terletak di bahagian barat daya Turki semasa kudeta berlaku. Beliau telah menyeru penyokongnya untuk berkumpul di dataran dan lapangan terbang dalam usaha mempertahankan kerajaannya. Ramai rakyat Turki turun ke jalanraya untuk membantah cubaan kudeta.

Sandiwaras kudeta ketenteraan telah berakhir dengan kegagalan. Rakyat Turki telah berjaya menyelamatkan kerajaan pimpinan AKP yang dipilih dalam pilihanraya, serata masyarakat antarabangsa juga menyuarakan bantahan mereka terhadap cubaan kudeta. Namun, ini tidak bermakna negara Turki telah melepaskan diri daripada krisis demokrasi, malah episod terbaru dalam pergolakan politik di negara tersebut hanya menunjukkan kontradiksi masyarakat dan krisis politik di Turki semakin meruncing. Sama ada cubaan kudeta terbaru itu berjaya atau tidak, tanpa mengira apa motif di sebalik cubaan kudeta, yang jelas adalah kelas pemerintah

di Turki semakin hari semakin menuju ke arah pemerintahan kuku besi yang autoritarian dan represif.

Erdogan dan AKP

AKP yang dipimpin oleh Erdogan telah memerintah Turki sejak tahun 2002. Dalam 14 tahun yang lepas, AKP telah menang dalam setiap pilihanraya.

Dalam pilihanraya presiden yang julung kali diadakan pada 10 Ogos 2014, Erdogan yang memegang jawatan Perdana Menteri pada masa itu telah menang sebanyak 51.79% undi dalam pusingan pertama, membolehkannya menyandang jawatan Presiden.

Impian Erdogan adalah menukar sistem politik di Turki daripada sistem berparlimen kepada sistem presiden. Referendum pindaan perlembagaan pada tahun 2007 telah membolehkan pengundian terus oleh rakyat untuk memilih presiden. Erdogan telah merancang untuk pindaan perlembagaan yang lebih lanjut demi memperluaskan kuasa eksekutif presiden. Namun, usaha Erdogan untuk memperluaskan kuasa presiden tergendala untuk sekutika selepas pilihanraya parliment pada 7 Jun 2015, dengan keputusan walaupun AKP kekal sebagai parti yang terbesar dalam parliment tetapi gagal memperoleh lebih daripada separuh kerusi parliment. Keadaan "parlimen tergantung" telah membawa kepada satu lagi pilihanraya umum pada 1 November 2015. AKP telah berjaya memenangi 317 daripada 550 kerusi parliment (lebih separuh) untuk mengekalkan kedudukannya sebagai parti pemerintah, dalam keadaan di mana AKP sengaja mengapi-apikan konflik di wilayah orang Kurdish, mewujudkan keganasan politik yang berleluasa, mempertingkatkan pemukulan ke atas pihak pembangkang dan menyekat ruangan demokrasi.

Sejak Erdogan dan AKP yang dipimpinnya berkuasa, demi merealisasikan impian Erdogan untuk mengembalikan kehebatan Empayar Turki Uthmaniyyah, kerajaan AKP telah melaksanakan dasar ekonomi neoliberal yang diselaputi dengan retorik populis. Kerajaan Turki di bawah Erdogan telah melaksanakan liberalisasi ekonomi yang membuka pintu kepada korporat multinasional untuk melabur dan memeras tenaga buruh yang murah di negara itu. Pembangunan ekonomi stabil yang berterusan untuk satu dekad semasa pemerintahan Erdogan, telah mewujudkan satu gambaran "rasa baik" tentang rejim AKP. Impian Erdogan untuk menjadikan Turki sebuah negara yang hebat, telah menyebabkan jumlah kekayaan yang dikuasai oleh 1% terkaya di negara itu telah bertambah daripada 39% pada tahun 2002 kepada 54%



sasaran serangan pengganas ISIS dan kerajaan Turki sering menggunakan alasan ancaman pengganas untuk mengetarkan lagi sekatan terhadap ruang demokrasi. Dalam operasi ketenteraan Turki pada Julai 2015, tentera Turki bukan sahaja menyerang ISIS, malah juga menyerang kumpulan bersenjata Parti Pekerja Kurdistan (PKK) di Utara Iraq.

Proses pendamaian antara Turki dengan PKK telah dihancurkan dan konflik di wilayah orang Kurdish semakin serius sejak kebelakangan ini. Kumpulan bersenjata orang Kurdish merupakan kuasa penentang yang utama dalam pertempuran dengan puak ISIS di Syria. Serangan ke atas kumpulan bersenjata Kurdish yang berhaluan kiri sebenarnya sedang membantu ISIS. Orang Kurdish di Turki turut menghadapi ancaman serangan keganasan yang berterusan daripada penyokong kerajaan. Ibu pejabat dan cawangan Parti Rakyat Demokratik (HDP) yang berhaluan kiri dan pro-Kurdish pernah banyak kali diserang oleh samseng. Suasana keganasan dan ketegangan yang wujud di Turki pada takat ini, telah dijadikan alasan oleh kerajaan pimpinan Erdogan dan AKP untuk memperkuuhkan pemerintahan kuku besinya. Kebebasan media disekat, ruangan demokrasi semakin sempit di Turki.

Motif masih kabur, akibatnya amat jelas

Motif sebenar di sebalik cubaan kudeta di Turki baru-baru ini masih belum jelas lagi. Yang jelas adalah kontradiksi masyarakat Turki menjadi semakin serius dan rejim Erdogan pula menjadi semakin represif selepas ini. Tidak hairan adanya teori konspirasi bahawa cubaan kudeta hanyalah plot yang diarahkan oleh Erdogan untuk membolehkannya memperhebatkan cengkaman kuasanya. Sama ada konspirasi atau tidak, sememangnya cubaan kudeta yang digagalkan ini, telah dipergunakan oleh Erdogan dan rejim AKP untuk melakukan penangkapan secara besar-besaran bagi melenyapkan suara pembangkang, menghakis kebebasan rakyat dan memperkuuhkan kuasa pemerintahannya melalui cara yang semakin keras.

Sememangnya kita patut membantah segala kudeta ketenteraan yang menggulingkan kerajaan yang dipilih secara demokratik, namun ini tidak bermakna kita patut menyokong sebuah kerajaan yang merupakan sekutu rapat kuasa imperialis barat yang mengamalkan dasar-dasar ekonomi neoliberal dan semakin hari semakin autoritarian lagi represif. ##

pada tahun 2015. Dalam erti kata lain, jurang perbezaan kekayaan dalam masyarakat Turki menjadi semakin teruk di bawah dasar ekonomi neoliberal yang dibawa oleh Erdogan. Kehidupan rakyat bawah semakin hari semakin teruk, kekayaan semakin menumpu dalam tangan segelintir kecil kelas atas, masalah ketidakadilan sosial menjadi semakin meruncing. Tambahan pula dengan pengurangan yang mendadak dalam kadar pertumbuhan ekonomi Turki sejak beberapa tahun kebelakangan ini, kontradiksi sosial dalam negara Turki telah menjadi semakin ketara. Bencana lombong arang batu di Soma pada 13 Mei 2014 yang meragut nyawa seramai 301 orang pekerja, hanya merupakan salah satu contoh nasib golongan pekerja di bawah rejim yang pro-korporat.

Rejim AKP telah menggunakan cara pemerintahan yang keras untuk menindas suara pembangkang, dan semakin hari semakin represif.

Peranan Turki dalam percaturan geopolitik

Oleh sebab Turki merupakan sekutu penting Amerika Syarikat, maka Turki di bawah pemerintahan Erdogan sentiasa diagung-agungkan oleh media barat sebagai contoh "demokrasi Islamik". Selama ini, Turki telah memainkan peranan penting dalam percaturan politik-ekonomi dan pengimbangan kuasa-kuasa imperialis di rantau Timur Tengah. Rejim pimpinan Erdogan dan AKP, pernah menyokong serangan tentera Amerika Syarikat (AS) ke atas Iraq. Turki juga memainkan peranan penting dalam Perang Saudara Syria yang telah meragut lebih 400,000 nyawa dan mewujudkan lebih daripada 4 juta pelarian di samping lebih 6 juta pelarian dalam negeri. Kerajaan Turki telah secara sulit menyokong kumpulan bersenjata yang menentang rejim Assad di Syria, dan memainkan peranan dalam perkembangan pesat kumpulan bersenjata yang ekstremis, seperti Al-Qaeda dan ISIS.

Kerajaan Turki yang pada awalnya membenarkan perkembangan puak ekstremis seperti ISIS kemudiannya menyertai pula operasi ketenteraan membanteras ISIS, di bawah pimpinan AS, mulai September 2014. Sejak itu, Turki telah menjadi

Brexit

Implikasi untuk Britain dan Dunia

48% dalam referendum, untuk memilih keluar daripada Kesatuan Eropah (EU), sebuah gabungan antara 28 buah negara di benua Eropah. Peristiwa ini digelar sebagai "Brexit". Keputusan ini telah menggegarkan ekonomi antarabangsa dan nilai matawang Britain menyusut sebanyak 10% dalam 48 jam yang pertama selepas pengumuman keputusan referendum.

Mengapa ramai rakyat Britain tidak selesa dengan EU?

Britain telah mengalami satu penstruktur semula ekonominya dalam 40 tahun yang lalu. Keruntuhan rejim-rejim komunis dan pengwujudan ekonomi kapitalis di peringkat sedunia telah membuka peluang kepada tauke-tauke besar perkilangan untuk berpindah ke negara-negara di mana gaji pekerja adalah lebih rendah daripada kadar gaji di Britain (yang wujudnya tradisi gerakan kesatuan sekerja yang kuat). Oleh itu, hampir 80% daripada sektor perkilangan di Britain telah tutup. Ekonomi Britain telah bertukar daripada satu ekonomi industri ke satu ekonomi berdasarkan kewangan - perkhidmatan perbankan, insurans, pertukaran matawang dan pasaran saham telah menggantikan aktiviti industri pengeluaran. Ini bererti ramai pekerja Britain telah hilang kerja di sektor industri dan terpaksa mencari kerja di sektor lain dengan gaji dan terma lain yang kurang baik berbanding kerja kilang.



Pada masa yang sama, jaringan keselamatan sosial di Britain telah dihakis. Ini berlaku kerana banyak daripada sektor perkilangan yang berpindah ke China ataupun Vietnam, menyembunyikan untung mereka di Singapura, Pulau Cayman, Pulau Bahamas dan sebagainya supaya dapat elakkan diri daripada bayaran cukai kepada kerajaan Britain. Oleh kerana

pungutan cukai korporat tidak dapat diperkembangkan, kerajaan terpaksa mengurangkan bantuan kebajikan yang dihulurkan kepada rakyat biasa.

Kesimpulannya, caranya Britain menyertai sistem kapitalis antarabangsa mengkayakan segelintir elit tetapi telah menjadikan kualiti kehidupan sebahagian besar rakyat. Tetapi ramai rakyat Britain terpesong oleh ahli politik puak kanan yang menyalahkan imigran dari Eropah Timur untuk tekanan-tekanan ekonomi yang dialami oleh rakyat Britain biasa – kekurangan peluang kerja, gaji rendah, kesesakan di hospital awam dan kekurangan perumahan murah. (Pada takat ini adanya 3 juta imigran dari EU di Britain.)

Ramai orang rakyat Britain yang terasa terpinggir dalam perkembangan ekonomi negara telah mengundi untuk mengundur daripada EU kerana mereka percaya bahawa kedatangan migran merupakan sebab utama masalah mereka dan kebajikan rakyat Britain dapat dipelihara jika kedatangan migran dapat disekat.



Pada 23 Jun yang lalu, pengundi Britain telah mengejutkan dunia dengan undian sebanyak 52% lawan

Apakah dia EU?

EU merupakan sebuah persekutuan antara 28 buah negara di Eropah yang bertujuan mewujudkan satu pasaran bersama (*common market*) dengan jumlah KDNK sebanyak USD 16.23 trilion (22.6% daripada KDNK sedunia). Tiadanya sekatan terhadap jualan barang, perkhidmatan dan gerakan manusia antara negara-negara yang menganggotai EU.

Satu Parliment EU dengan 751 orang ahli parliment telah ditubuhkan di Brussels untuk menetapkan syarat-syarat yang harus dipatuhi oleh semua negara



yang menyertai EU. Antara syarat yang dipersetujui adalah bahawa ganjaran pekerja tidak boleh turun ke bawah paras minimum negara asalnya. Ertinya, seorang pekerja dari Poland boleh diberi gaji yang lebih rendah daripada gaji minimum Britain kerana gaji minimum di Poland berada di paras yang lebih rendah berbanding Britain.

Persaingan ke bawah di peringkat antarabangsa?

Elit masyarakat Britain sekarang menghadapi satu cabaran yang serius. Punca kekayaan mereka adalah perniagaan kewangan. Pengunduran Britain daripada EU akan membawa caj dan tarif terhadap pelbagai perkhidmatan kewangan yang dibekalkan kepada Eropah oleh firma kewangan yang bertapak di London.



Ada kemungkinan firma-firma ini akan memindahkan sebahagian daripada aktiviti mereka ke negara-negara yang menganggotai EU supaya mengelakkan cukai import dan tarif yang akan dikenakan selepas Brexit dilaksanakan. Satu cara untuk mengelakkan diri daripada kemungkinan ini adalah untuk menambahkan kemudahan yang dinikmati oleh firma kewangan. Umpamanya, jika cukai terhadap keuntungan firma kewangan dapat dikurangkan ke bawah paras cukai di Frankfurt, Brussels dan Paris, mungkin firma kewangan akan menangguhkan pelan berpindah keluar dari London. Jika caj-caj yang dikenakan atas urusan kewangan dapat direndahkan supaya kos perniagaan kewangan di Britain dikurangkan, kecenderungan firma untuk lari keluar dari Britain dapat dikawal.

Tetapi langkah-langkah yang mesra pada perniagaan kewangan akan kurangkan pungutan cukai daripada sektor kewangan dan menyekat lagi belanjawan kerajaan. Jurang antara 0.1% yang terkaya dan 90% yang terbawah (yang sudah amat lebar pada takat ini) akan jadi lebih besar lagi, dan masyarakat B40 (iaitu 40% keluarga berpendapatan terendah) di Britain akan terasa lebih tertekan. Ada juga kemungkinannya langkah-langkah yang akan diambil oleh

Britain untuk melambatkan penghijrahan kapitalis kewangan dari London ke tapak di EU, boleh mencetuskan satu persaingan antara juara neoliberal, di mana kerajaan lain di EU dan juga di luar EU bersaing untuk menawar temar yang lebih mesra pada peniaga kewangan.

Kejadian ini menitikberatkan satu hakikat – apabila rakyat tidak sedar terhadap sebab-sebab pokok situasi yang menekankan mereka, mereka boleh dimanipulasi oleh puak oportunist kanan untuk membuat keputusan yang merugikan mereka. Ini telah berlaku dalam referendum Brexit di Britain.

Brexit adalah satu peringatan kepada kaum kiri dan progresif – jika kita gagal dalam usaha menyedarkan rakyat akan sebab-sebab utama masalah-masalah yang dihadapi mereka, rakyat kita mungkin akan buat pemilihan yang merugikan kita semua!

(oleh Jeyakumar Devaraj)



Perjuangan Mogok Klang 1941

[Bahagian 2]

oleh Saminathan Munisamy

(Bersambung dari edisi Jul-Ogos 2016)

Menjelang bulan Mac 1941, kerajaan dan Kesatuan Peladang Bersatu Malaya (UPAM) semakin gusar dengan aktiviti Menon dan Nathan. Pekerja ladang seakan-akan diberi suntikan dan nafas baru. Mereka tidak lagi turun daripada basikal mereka apabila lalu di hadapan majikan mereka. Tindakan pekerja memboikot kedai todi di ladang mereka menyebabkan pengurusan ladang kerugian besar dalam penjualan todi. Pekerja juga dengan berani membantah tindakan kakitangan yang mengganggu anak perempuan dan bini mereka. Pekerja tidak lagi rela melihat anak bini mereka menjadi habuan seks kakitangan ladang yang rakus. UPAM dan kerajaan British semakin tertekan dengan laporan-laporan pengurus ladang yang tidak menyenangkan. Pekerja imigran yang selama ini hanya dilihat sebagai "pak turut", sudah sedar dari lenanya! Satu perkara lagi, perkara yang amat ditakuti selama ini oleh UPAM dan kerajaan sudah mula dikesan di kalangan pekerja ladang, iaitu **Semangat Bersatu!** Pekerja sudah bersatu dengan satu suara menuntut pembaharuan. Dengan susunan nada yang sebulat suara, mereka mahukan 12 tuntutan yang diutarakan oleh Nathan and Menon dipenuhi dengan segera oleh majikan.

Pada 2 Mac 1941, dalam satu perjumpaan pekerja di Kampung Jawa, Menon berkata, "Sebelum pembentukan kesatuan ini, ramai yang bertanggapan kapitalis itu Tuhan dan kita sebagai hamba. Sekarang 25 peratus daripada kamu sudah sedar. Kita adalah orang India dan bukan hamba kepada sesiapa pun. Pada masa akan datang, kita harus bekerjasama dalam perjuangan sehingga majikan ladang menyedari yang kita juga insan manusia!"

Nathan pula memberi amaran bahawa majikan akan memecahkan semangat solidariti yang mula terbentuk di kalangan pekerja. Katanya, "Kebanyakan kuli sudah mula memahami perbezaan antara pekerja dan kapitalis. Bersatu adalah kata kunci perjuangan ini. Majikan di estet mula memecah-belahkan kita, tapi kita tidak harus meloloskan ini. Saya khawatir, Menon dan saya akan menghadapi masalah. Kalian perlu bersatu dan percaya dengan kami."

Pada hari yang sama, pekerja Ladang Glenmarie buat pertama kali bermogok menuntut kenaikan gaji dan kondisi tempat tinggal yang lebih baik. Nathan dan Menon dilaporkan berjumpa dengan pekerja ladang pada 28 Februari dan 1 Mac 1941. Mereka menuntut 70 sen dibayar untuk pekerja lelaki dan 60 sen untuk pekerja wanita. Bagaikan api, mogok ini mula merebak ke Ladang Midlands apabila 8 orang pekerja estet dihentikan dan diusir keluar dari ladang mereka pada 4 Mac 1941. Gopal, Palaniandy, Karuppan,

Periasamy, Murugesan, Gengan, Muthiah dan Samikkannu diberkas kerana enggan meninggalkan estet mereka selepas diusir dan diberi notis pengusiran 24 jam.

Ekoran kejadian ini, pada 11 Mac 1941, J.D Dalley, Pengarah Penyiasatan Jenayah (*Director of Criminal Intelligence*) mencadangkan pada Residen British Selangor, Major Kidd, untuk menangkap R.H Nathan, Y.K Menon dan R.K Thangiah di bawah Peraturan Darurat. Walaupun cadangan ini mendapat sokongan daripada Pesuruhjaya Tinggi Malaya, Shenton Thomas, yang meluluskan waran tangkap untuk Nathan, Menon dan Thangiah, Penguatkuasa Buruh Malaya, C.Wilson, berpendapat bahawa kelulusan waran tangkap ini perlu dilengahkan kerana ianya akan mengeruhkan keadaan dan melumpuhkan usaha Persatuan Pusat India Malaysia (CIAM) untuk menyelesaikan masalah pekerja. Pandangan Wilson disokong oleh Residen Selangor Major Kidd dan Penasihat Undang Undang Persekutuan Tanah Melayu, Adrian Clark. Oleh kerana perbezaan pendapat inilah, Wilson dipaksa untuk bersara oleh Shenton Thomas selepas mogok Kelang reda.

Pada 25 Mac 1941, semasa perbicaraan tujuh orang yang diberhentikan dari Ladang Midlands, 200 pekerja hadir untuk memberikan sokongan. Keadaan mahkamah menjadi kecoh apabila keputusan hukuman dua bulan penjara dijatuhkan ke atas pekerja tersebut. Pekerja-pekerja yang hadir untuk memberi sokongan telah membantah keputusan itu dengan bertindak tidak meninggalkan ruang mahkamah seperti cara protes yang dilakukan pengikut Mahatma Gandhi di India. Melihat keadaan ini, hakim terpaksa akur dengan desakan rakyat dan membebaskan ketujuh-tujuh mereka dengan wang jaminan. Kejayaan ini memberikan aspirasi dan pengertian baru kepada pekerja yang menyedari mereka mampu mengubah keadaan persekitaran mereka sekiranya mereka bersatu. Ejen Kerajaan India, C.S Venkatachar, mengkritik tindakan kerajaan British Malaya yang menggunakan undang-undang sebagai instrumen untuk melumpuhkan mogok.

Menyedari kerajaan British perlu melakukan sesuatu, pada 27 Mac 1941, C.Wilson mempelawa Presiden CIAM, N.Raghavan, dan Timbalan Presiden, K.A Neelakanda Aiyer, melawat ladang-ladang yang terlibat. Pada hari keesokannya, satu perjumpaan diadakan antara N.Raghavan dengan Pengurus Peladang Daerah Kelang yang juga merupakan Pengurus Ladang Sungai Way, T.E Upton, untuk membincangkan kenaikan gaji dan memulihkan keadaan mogok.

Berikutnya perjumpaan ini pada 9 April 1941, UPAM setuju dan mengumumkan kenaikan gaji sebanyak 60 sen untuk lelaki dan 50 sen untuk wanita. Presiden CIAM, N. Raghavan, menasihatkan pekerja untuk kembali berkerja. Dengan ini,

berakhirlah fasa pertama Mogok Kelang. Berikutan persetujuan ini, UPAM melihat kerajaan British sudah lemah dan tidak lagi dapat mengekang tuntutan pekerja. Malah UPAM menyifatkan keputusan ini satu pengkhianatan kepada golongan British di Malaya. Ini kerana CIAM mempunyai hubungan baik dengan Kongres Nasional India yang memboikot pengerahan sukarelawan sebagai tentera untuk membantu koloni British menghalang kemaraan Jepun di Malaya. (Dalam Perang Dunia Pertama, KNI menyokong pengerahan sukarelawan daripada India yang membantu British berperang menentang tentera Jerman. Seramai lebih kurang satu juta sukarelawan rakyat India yang terkorban dalam Perang Dunia Pertama.)

Kenaikan gaji ini merupakan satu peningkatan drastik yang dapat membantu memulihkan ekonomi pekerja tetapi terdapat sesuatu yang lebih bernilai daripada wang untuk pekerja, iaitu maruah dan jati diri! Mereka merasai mereka perlu dilayani sebagai manusia. Momentum anti-kapitalis yang terjana memberi kesedaran kepada golongan pekerja. Mereka sedar bahawa hanya satu bahasa yang difahami oleh golongan kapitalis dan kerajaan British, iaitu "mogok". Mereka sedar hanya satu senjata yang dapat menundukkan keangkuhan kapitalis, iaitu "mogok". Semua ini mereka pelajari daripada Nathan and Menon yang disifatkan sebagai "pengacau" oleh golongan kapitalis dan kerajaan British.

Pada 11 April 1941, dilaporkan banyak estet sudah memulakan mogok menandakan permulaan fasa kedua. Pengurusan estet pula bertindakbalas dengan memotong bekalan air di Ladang Whiteareas, Damansara dan Blackareas.

Pada 15 April 1941, akbar tempatan melaporkan mogok merebak secara sporadik di kebanyakan estet. Mogok di Ladang Highlands sebagai membantah penyingkir empat orang pekerja. Mogok di Ladang Carey untuk menuntut satu jam sebagai waktu rehat makan yang sekian lama cuma hanya 30 minit sahaja. Di Ladang Port Swettenham pula, pekerja mogok menuntut agar bendera Kongres Nasional Indian dikibarkan di pintu masuk estet dan gambar Gandhi digantung di semua rumah termasuk pejabat ladang.

Pada 18 April 1941 pula, pekerja Ladang North Hammock bermogok membantah tindakan penolong pengurus menghalang pekerja daripada memakai topi Gandhi.

Pada 26 April 1941, Nathan dalam satu perjumpaan dengan pekerja berkata, "Jangan lupa semangat bersatu adalah senjata kita. Pakailah apa yang kalian mahu kerana itu adalah hak kalian. Pakailah topi Gandhi jika kalian mahu... jangan tanggalkannya.

Jangan turun daripada basikal kalian sekiranya melintasi depan kakitangan estet. Usah takut tempat kalian akan diambil-alih oleh orang Cina dan Jawa

kerana negara kekurangan pekerja. Masa ini amat kritikal untuk memastikan tuntutan kalian dipenuhi."

Mogok semakin merebak. Dilaporkan pada 1 Mei 1941, pekerja di sembilan buah ladang – Ladang Sungai Buluh, Ladang Brooklands, Ladang Bukit Chedang, Ladang Vallambrose, Ladang Bukit Panjang, Ladang Bukit Chu, Ladang Bukit Cheraka, Ladang Beveriac – telah bermogok.

Untuk mengawal keadaan pada 6 Mei 1941, Nathan ditahan di bawah Akta Buang Negeri. Nathan dituduh melakukan aktiviti subversif terhadap kerajaan British yang melumpuhkan kerajaan. Menon terlepas kerana tukar kerja ke Singapura.

Sebagai bantahan terhadap penahanan Nathan, seramai 300 pekerja berarak ke Kuala Lumpur dan berdemo di hadapan Pejabat Pesuruhjaya Buruh pada 7 Mei 1941.

Melihat perkembangan ini, UPAM semakin kritis terhadap kelemahan kerajaan menangani mogok. UPAM menyalahkan kerajaan Malaya terutamanya Wilson kerana gagal untuk memaksa pekerja untuk kembali bekerja. UPAM juga mahu kerajaan menggunakan kuasa polis untuk membanteras mogok walaupun permintaan ini ditolak oleh Wilson. Pengurus UPAM, S.P Palmer dalam perbincangan dengan Pesuruhjaya Tinggi Malaya, Shenton Thomas, pada 6 Mei 1941, menyelar kerajaan Malaya yang tidak lagi berupaya mengekang mogok. Palmer memberi amaran sekiranya mogok tidak dihentikan, ianya akan menular dan mengakibatkan kemerosotan ekonomi British yang bakal membawa kepada kelumpuhan usaha perang untuk memperkasakan British dalam menghadapi kemaraan Jepun. Wilson pula terus mempertahankan CIAM dengan alasan Nathan and Menon cuma adalah golongan prihatin yang ingin perubahan yang munasabah untuk golongan pekerja.

Bantahan terhadap penahanan Nathan juga diadakan di ladang-ladang. Pada 8 Mei 1941, pekerja Ladang Bukit Panjang dengan bersenjatakan kayu dan batu menyekat cubaan pengurus estet mengeluarkan satu konsainan getah. Oleh kerana gagal mengeluarkan konsainan tersebut, Pengurus A.J Gomm telah meminta bantuan polis. Pada hari keesokannya, seramai 160 orang polis telah dikerah untuk membantu pengurus. Perhimpunan pekerja yang membantah pengeluran getah itu dilerai dengan serangan kayu belantan oleh pihak polis. Lapan pekerja cedera dalam serangan tersebut. Seramai 500 hingga 600 orang pekerja yang menghalang empat buah lori yang membawa keluar getah tersebut bertembung dengan polis. Pekerja dikatakan bersenjatakan kayu, batu, botol, tombak dan rod besi. Dalam serangan itu, dua orang pekerja dari Ladang Bukit Cheraka dan Ladang Highlands, **Rengasamy** dan **Yellumalle** terkorban.

(akan bersambung dalam edisi akan datang)



Pembentukan Malaysia, sejarah yang dipesongkan?

oleh Sivarajan Arumugam

Penulisan ini adalah untuk mengkaji semula status Sabah dan Sarawak dalam konteks sejarah pembentukan Malaysia. Dalam ingatan kita di sekolah, kita hanya diajar bahawa Persekutuan Tanah Melayu telah bergabung dengan Sabah dan Sarawak untuk membentuk Malaysia pada tahun 1963, di mana Sabah dan Sarawak dianggap secara automatik menjadi negeri yang ke-12 dan ke-13 dalam Persekutuan Malaysia.

Tetapi, kini persoalan kesahihan versi sejarah ini diungkitkan semula dengan kajian mendalam mengenai perjanjian pembentukan Malaysia, iaitu *Malaysia Agreement 1963*. Untuk memahami faktor-faktor yang mempengaruhi pembentukan Malaysia pada tahun 1963 ini, kita perlu melihat semula mukasurat-mukasurat sejarah negara kita.

Amanah Rajah Brooke

Sepertimana yang kita tahu, keturunan Rajah Brooke telah memerintah Sarawak sejak 1841. Rajah Brooke yang terakhir, iaitu Charles Vyner Brooke, menyerahkan Sarawak kepada Ratu British dan kerajaan British telah menjadikan Sarawak sebagai satu tanah jajahan mahkota British pada 1 Julai 1946. Semasa penyerahan kuasa ini, salah satu peraturan yang telah dipersetujui adalah British akan menjaga rakyat Sarawak mengikut **9 Prinsip Utama (9 Cardinal Principles)**.

Antara prinsip yang telah diturunkan Rajah Brooke untuk terus dipatuhi oleh pemerintahan British adalah seperti:

- Akur bahawa Sarawak adalah tanah warisan rakyat Sarawak dan ianya hanya dipegang sebagai amanah oleh pihak Rajah Brooke.
- Kemudahan sosial dan pendidikan dibangunkan demi menaiktaraf hidup rakyat Sarawak.
- Matlamat untuk Sarawak menjadi sebuah negara yang berkebolehan mentadbir diri mereka sendiri haruslah selalu diingati dan rakyat Sarawak harus disediakan ke arah berkebolehan dengan memaklumkan kewajipan, tanggungjawab dan keistimewaan hak kewarganegaraan.

Maka dengan penyerahan Sarawak bersama 9 Prinsip Utama Charles Vyner Brooke ini, pemerintahan British terikat dengan satu tanggungjawab yang penting sebagai pemegang amanah yang baru selepas Rajah Brooke.

Pada tahun 1946, harga getah dan juga harga bijih timah di pasaran dunia telah menjunam, maka pihak British tidak memperolehi apa jua keuntungan yang signifikan daripada tanah jajahannya. Selepas kematian Ratu Victoria, jajahan British semakin merosot serta selepas Perang Dunia II, Britain mengalami kerugian amat besar dan menghadapi masalah untuk terus mentadbir tanah jajahannya. Maka, British ingin melepaskan tanah jajahannya di Pulau Borneo, iaitu Sabah dan Sarawak, tetapi mereka sedar bahawa negeri-negeri di Borneo ini belum bersedia untuk mentadbir diri mereka sendiri.

Oleh kerana pihak British 'terikat' dengan janji dengan Rajah Brooke untuk menepati 9 Prinsip Utama ini, maka pihak British tidak mengambil jalan mudah untuk menyerahkan negeri-negeri Borneo kepada Persekutuan Tanah Melayu, sekaligus mengistiharkan Merdeka.

Pada tahun 1959, rakyat Baram Sarawak telah menghantar satu petisyen kepada Ratu England untuk mengingatkan Ratu England tentang janjinya mengikut Perlembagaan Sarawak tahun 1941 dan

9 Prinsip Utama Charles Vyner Brooke.

Oleh yang demikian, Ratu England ingin menunaikan janjinya kepada rakyat di Baram, Sarawak dan tidak boleh semudah itu menyerahkan Sarawak dan Borneo Utara kepada Mala.

Pihak British membuat keputusan bahawa:

- 1) Mereka tidak ingin menyerahkan Sarawak dan Sabah kepada Mala tanpa apa jua syarat perlindungan yang akan menjamin hak rakyat Borneo. Ini kerana pada masa itu rakyat Borneo tidak mempunyai kepimpinan yang kuat untuk mentadbir diri mereka sendiri.
- 2) Perkara ini dinyatakan dengan jelas oleh Gabenor Borneo Utara, William Goode, semasa pembentukan Mala, di mana beliau menyatakan bahawa,

"Wholly support Malaysia but ... Tunku (Abdul Rahman) must avoid – taking over Borneo territories as colonies. Any impression of being transferred as colonies from Britain to Mala will provoke a Merdeka movement against KL – potentially irresistible."

(Menyokong pembentukan Mala, tetapi Tunku Abdul Rahman perlu mengelakkan daripada wilayah Borneo 'diambilalih' sebagai tanah jajahan atau koloni dari Britain ke Mala. Jika wujud keadaan sedemikian, maka ianya akan mencetuskan satu pergerakan kemerdekaan menentang KL.)

Suruhanjaya Cobbold dan Inter-Governmental Committee Report

British membentuk sebuah Suruhanjaya Bebas penyiasatan untuk mengetahui hasrat rakyat Borneo. Suruhanjaya Cobbold dibentuk dan suruhanjaya ini menyelesaikan kerjanya pada 21 Jun 1962. Berikutan cadangan Suruhanjaya Cobbold, maka satu jawatankuasa khas, *Inter-Governmental Committee (IGC)* dibentuk untuk menggariskan laporan yang akan merangkumi masa depan Sabah dan Sarawak dengan sebaik mungkin.

Laporan IGC ini disediakan sebagai satu perjanjian yang sah di sisi undang-undang, dan ditandatangani oleh wakil United Kingdom, Persekutuan Tanah Melayu dan wakil Borneo Utara serta Sarawak. Laporan IGC menggariskan pelbagai terma-terma yang melindungi kepentingan hak rakyat Sabah dan Sarawak – seperti isi pemisahan kuasa kerajaan pusat dan kuasa negeri. Di bawah terma-terma ini, beberapa tugas penting, seperti hal ehwal antarabangsa negeri-negeri di Borneo ini, diserahkan kepada Kerajaan Pusat untuk dikendalikan dari Kuala Lumpur, dengan syarat bahawa peruntukan-peruntukan lain IGC ditunaikan oleh Kerajaan Pusat. Maksudnya adalah, jika Kerajaan Pusat gagal mematuhi IGC ini, Sabah dan Sarawak boleh menuntut balik kuasa pentadbiran yang telah diberikan oleh Negeri kepada Kerajaan Pusat.

Pelanggaran syarat oleh Kerajaan Pusat

Tetapi, malangnya ianya tidak dihormati oleh Kerajaan Persekutuan. Sebagai contoh, dalam isi pelabuhan dan bayaran caj-caj pelabuhan. IGC dengan jelas menyatakan bahawa Kerajaan Persekutuan tidak boleh memperkenalkan polisi-polisi yang mendiskriminasi pelabuhan Borneo. Sehingga tahun 1960, laluan kapal kargo dari Hong Kong ke Sabah tidak dihalang, tetapi pada tahun 1980, Kerajaan Pusat mengambilalih Ordinan Perdagangan dan Perkapalan dari Sabah dan menggubal undang-undang perkapalan yang memestikan semua kapal-kapal

antarabangsa untuk hanya berlabuh di Pelabuhan Klang dan bukannya di tempat lain.

Polisi ini dinamakan Dasar Kaboutaj, maka harga barang di Sabah dan Sarawak melambung naik kerana semua kargo perlu ke Pelabuhan Klang dulu dan barulah berangkat ke pelabuhan di Sarawak dan Sabah. Sepertimana di bawah dasar kaboutaj ini, terdapat pelbagai perlindungan dalam Laporan IGC yang tidak ditunaikan oleh Kerajaan Pusat.

Hasrat Laporan IGC adalah memastikan bahawa apabila Sarawak dan Sabah 'diserahkan' kepada Persekutuan Tanah Melayu untuk menjayakan pembentukan Mala, maka peruntukan perjanjian IGC ini haruslah dihormati. Namun, Kerajaan Persekutuan yang dikuasai oleh UMNO-BN bertindak melanggar perjanjian IGC dan merampas hak rakyat Sarawak dan Sabah.

Justeru, sejarah harus difahami dengan jelas bahawa, pada tahun 1963, semasa pembentukan Mala, British hanya menyerahkan Sarawak dan Sabah kepada Persekutuan Tanah Melayu sebagai pemegang amanah dan bukannya Persekutuan Tanah Melayu memiliki Sarawak dan Sabah masing-masing sebagai salah satu daripada 13 negeri yang membentuk Mala.

Oleh itu, konsep asas pembentukan Mala adalah ianya dibentuk sebagai sebuah amanah, iaitu Sarawak dan Sabah sebagai rakan kongsi sama taraf dengan Persekutuan Tanah Melayu, bukanlah sebagai salah satu negeri dalam Mala seperti negeri-negeri lain di Semenanjung.

Pindaan Perlumbagaan Persekutuan

Perlumbagaan asal negara kita jelas menggambarkan konsep ini, di mana dalam versi asal Perlumbagaan Persekutuan, ianya dinyatakan bahawa "The federation shall be known, in Malay and English by the name Malaysia.

The States of the Federation shall be –

- a) *The states of Malaya, namely Johore, Kedah, Kelantan, Malacca, Negeri Sembilan, Pahang, Penang, Perak, Perlis, Selangor and Terengganu; and*
- b) *The Borneo States, namely Sabah and Sarawak and*
- c) *The state of Singapore"*

Maka, ianya jelas dalam versi asal Mala ditakrifkan sebagai penyatuhan 3 unit, iaitu Persekutuan Tanah Melayu sebagai unit pertama (dengan 11 buah negeri di dalamnya), bergabung dengan negeri-negeri Borneo (sebagai unit kedua) dan Singapura (sebagai unit ketiga). Ketiga-tiga unit ini bertaraf yang samarata sebagai rakan kongsi dalam satu perjanjian. Sabah dan Sarawak tidak pernah menjadi negeri yang ke-12 dan ke-13 dalam Mala!

Pindaan telah dibuat pada Perlumbagaan Persekutuan pada tahun 1976, tanpa mandat daripada rakyat Sarawak/Sabah, di mana Fasal 1(2) kini berbunyi seperti berikut:

"Negeri-negeri Persekutuan terdiri daripada Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Pulau Pinang, Perak, Perlis, Sabah, Sarawak, Selangor and Terengganu."

Perjanjian Malaysia 1963

Dokumen penting yang kedua ialah Perjanjian Malaysia tahun 1963 (*The Malaysia Agreement*) (MA63).

Perjanjian MA63 ini ditandatangani oleh United Kingdom, Persekutuan Tanah Melayu, Borneo Utara, Sarawak dan Singapura. Perjanjian ini adalah susulan daripada rekomendasi Suruhanjaya Cobbold dan IGC.

Maka, ianya tidak boleh dipinda atau diubah walaupun oleh Parlimen di Mala. MA63 merupakan sebuah perjanjian antarabangsa, ianya didaftarkan di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 21 September 1970 oleh United Kingdom dan diberikan nombor pendaftaran 10760.

Pindaan kepada MA63 ini harus melibatkan persetujuan bersama United Kingdom, Sarawak, Sabah dan Persekutuan Tanah Melayu. Fakta ini dibuktikan apabila tarikh asal untuk Hari Mala yang sepatutnya jatuh pada 31 Ogos 1963 terpaksa ditangguhkan ke 16 September 1963 kerana kelewatan rombongan misi PBB ke Borneo untuk mendapatkan maklumbalas daripada rakyat Borneo mengenai pembentukan Mala.

Hanya selepas proses itu selesai, maka pindaan kepada MA63 ditandatangani di Singapura pada 28 Ogos 1963 oleh United Kingdom, Sarawak, Sabah, Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura. Oleh yang demikian, Hari Mala jatuh pada 16 September 1963.

Persekutuan Tanah Melayu (Mala) sebagai pemegang amanah?

Mengikut takrifan PBB, amanah (*trust*) yang telah dipegang oleh United Kingdom ke atas Sabah dan Sarawak telah dipindahkan pada tahun 1963 kepada Mala. Oleh yang demikian, kini secara betulnya, Mala adalah pemegang amanah (*trustee*) dan Sabah/Sarawak sebagai beneficiari ataupun penerima manfaat. Satu pemindahan pemegang amanah telah berlaku dengan pembentukan Mala.

Mengikut kenyataan Setiausaha Agung PBB pada September 1963, mengikut Resolusi 1541, pemegang amanah (iaitu Persekutuan Tanah Melayu) sepatutnya hantar satu laporan tahunan kepada PBB mengenai situasi perkembangan beneficiari, iaitu Sabah dan Sarawak, ke arah pentadbiran sendiri. Sekali lagi, Kerajaan Pusat UMNO-BN tidak pernah mematuhi syarat PBB ini.

Sejak tahun 1963, jelas kelihatan bahawa sejarah sebenar pembentukan Mala seolah-olah dipesongkan demi mendoktrinkan rakyat Sarawak dan Sabah menerima propaganda bahawa Sarawak dan Sabah masing-masing hanyalah salah sebuah negeri dalam Mala, dan mereka perlu akur dan taat pada kuasa Kerajaan Pusat! Rakyat di Semenanjung Mala juga tidak pernah didekah mengenai sejarah Inter-Governmental Committee Report dan Perjanjian Mala 1963 yang ditandatangani sebagai suatu perjanjian antarabangsa antara Persekutuan Tanah Melayu, Sabah/Sarawak dan United Kingdom.

Kesemua ini dilaksanakan agar segala sumber asli kekayaan Sabah dan Sarawak digondol dengan sesuka hati oleh Kerajaan Pusat, tanpa menghormati tanggungjawab mereka sebagai 'pemegang amanah' yang harus membimbing dan menyediakan rakyat Sarawak dan Sabah ke arah pentadbiran sendiri. ##

